

DN.1.8.2000

“DOKUMEN INI BELUM DISEMAK”

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Selasa, 1 Ogos 2000**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL 'URUSAN'

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

10.03 pagi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas ini Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalahnya;

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dipertimbangkan kesemua urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan selepas ini Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan agenda kursus-kursus untuk kontraktor bumiputera di dalam sektor industri pembinaan seperti bar bender, tukang kondit, paip dan pemasangan jubin dinding dan lantai:

- (a) adakah CIDB bercadang untuk mengadakan pusat bekalan bahan pembinaan. Jika ada, sejauh manakah pusat ini telah membantu kontraktor bumiputera.
- (b) sejauh manakah CIDB telah melaksanakan kursus dalam aspek keselamatan di tapak binaan bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan jiwa.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu matlamat program utama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ialah untuk melatih seberapa ramai tenaga kerja tempatan mahir dan separuh mahir dalam sektor pembinaan untuk menampung keperluan negara dalam bidang ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan penggantungan negara kepada pekerja asing.

Program-program latihan ini telah pun bermula sejak tahun 1997 dan setakat ini lebih daripada 3,000 pekerja tempatan telah pun dilatih dalam pelbagai trade sektor pembinaan termasuklah trade-trade yang telah dibangkitkan. Walaupun latihan-latihan ini terbuka kepada semua pekerja tempatan tetapi CIDB sememangnya memberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja bumiputera. Untuk menjawab soalan,

- (a) mengenai soalan penubuhan pusat bekalan bahan binaan. Setakat ini pusat ini masih belum ditubuhkan walaupun ianya termasuklah dalam salah satu program yang dirancang oleh CIDB. Satu kajian yang terperinci sedang dijalankan terutama sekali mengenai mekanisme pelaksanaan program ini agar ianya benar-benar dapat membantu kontraktor terutama sekali kontraktor bumiputera. Kajian ini penting kerana kemudahan yang serupa telah pun dibuat oleh beberapa agensi-agensi

kerajaan di masa-masa lepas tetapi tidak begitu mencapai matlamat yang diharapkan.

- (b) Kursus-kursus keselamatan di tapak binaan juga termasuk di dalam program latihan yang telah dilaksanakan oleh CIDB. Untuk tujuan ini CIDB bersama-sama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia telah pun melancarkan Program Kad Hijau di mana program ini telah mensyaratkan semua pekerja di tapak binaan dikehendaki mengikuti kursus induksi keselamatan di tapak binaan. Kursus ini adalah penting bukan sahaja untuk mendisiplin, memberi kesedaran dan juga kefahaman mengenai aspek-aspek keselamatan tetapi juga merupakan langkah pertama memastikan orderliness, dengan izin, di tapak binaan.

Selain daripada itu, CIDB juga telah mengeluarkan arahan kepada semua kontraktor supaya memastikan semua pekerja binaan mereka mengikuti kursus induksi keselamatan yang disediakan. Kursus-kursus ini disediakan secara berterusan keseluruhan negara dan ianya dibiayai sepenuhnya oleh CIDB. Sekiranya semua pekerja dan kontraktor mematuhi sepenuhnya peraturan ini, maka keselamatan di tapak binaan akan lebih terjamin dan kemalangan dapat dielakkan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kerana ada satu program menerusi CIDB untuk mengambil alih pekerja-pekerja asing supaya sektor pembinaan yang merupakan catalyst ataupun penjana kepada pembangunan ekonomi kita dapat bergerak dengan baik. Soalannya sekarang, apakah program kerajaan dalam masa jangka pendek dan jangka panjang bagi mengeluarkan tenaga-tenaga mahir dalam bidang pembinaan ini menerusi CIDB dan apa-apa institusi sekalipun untuk menentukan ianya dapat mengambil alih pekerja-pekerja asing yang sedia ada sekarang ini, dan berapa ramai pekerja asing sekarang ini yang masih lagi tergolong di dalam sektor pembinaan yang sedia ada ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, program-program telah disediakan oleh CIDB itu saya telah jelas tadi lebih daripada 3,000 orang telah dapat latihan. Selain daripada itu, saya percaya kita mesti memperkuatkan bidang industri pembinaan dengan pekerja-pekerja mahir tempatan. Potensi pekerja tempatan walaupun ada tetapi pemuda-pemuda yang sedia ada sekarang tidak berminat untuk menjadi pekerja-pekerja sektor pembinaan, mereka suka juga masuk dalam sektor-sektor yang lain, tangan tak kotor, hati pun senang juga, gaji pun lebih.

Jadi, inilah masalah dihadapi oleh kita. Kita sedang menghadapi banyak masalah oleh kerana sektor pembinaan telah dipenuhi dengan pekerja-pekerja asing. Pekerja-pekerja asing tanpa apa kemahiran tetapi mereka menjadi apa trade pun mereka boleh buatlah, daripada tukang kayu, tukang batu apa pun mereka boleh buat. Tetapi bila selesai kerja itu barulah kita menghadapi masalah. Seperti satu masalah yang kita hadapi di Johor iaitu di Pularek, banyak pekerja asing tetapi kerajaan kena belanja lebih RM30,000 juta lagi untuk memperbaiki keadaan.

Saya harap juga masa akan datang di tiap-tiap kawasan luar bandar di mana kita nampak juga banyak pemuda bersama ibu bapa macam anak ayam dengan ayam tak keluar daripada kampung. *[Ketawa]* Kita akan menjalankan satu kempen untuk mempopulasikan kursus-kursus dan juga memberitahu berapakah gaji lumayan mereka boleh dapat dalam bidang pembinaan ini. Saya percaya selepas itu kita boleh selesai.

Satu lagi masalah, Tuan Yang di-Pertua, mahukah kita memberi sedikit latihan kepada pekerja-pekerja asing. Jikalau tidak kita sendiri rugi. Jadi, ini ada dalam timbangan sekarang, mahukah kita bagi sedikit latihan kepada pekerja-pekerja asing di mana mereka boleh juga menjalankan kerja-kerja mereka dengan lebih licin.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak CIDB ditubuhkan bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan secara anggaran berapakah kutipan ses daripada projek-projek yang dilaksanakan daripada kontraktor-kontraktor kerana ada dakwaan ratusan juta yang dikutip oleh CIDB banyak menumpukan kepada pembelian aset seperti membina akademi binaan, membeli tanah dan sebagainya tetapi mengurangkan priority untuk membuat latihan kepada kontraktor ataupun pekerja-pekerja binaan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kutipan setakat ini lebih kurang RM120 juta, tetapi kita guna ses ini pertama, untuk membina pusat-pusat latihan, yang kedua, kita juga menggunakan ses ini untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja. Baru sahaja Jemaah Menteri telah mengambil perhatian dan juga mengarahkan Kementerian Kerja Raya, kontraktor-kontraktor yang membayar ses itu mesti diberi latihan percuma. Dahulunya kita kenakan bayaran kepada kontraktor-kontraktor, tetapi sekarang kita beri latihan percuma, ini akan diteruskan tidak lama lagi.

Datuk Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah pun menunjukkan ataupun identify sebab yang utama terhadap kualiti produk pembinaan, iaitu kekurangan kemahiran pekerja. Di sini saya mahu tanya lebih kurang tiga tahun yang lalu ada berapa MoU telah pun ditandatangani antara CIDB dan pihak swasta untuk menubuhkan beberapa buah pusat latihan. Saya ingin tanya apakah keadaan sekarang, apa statusnya, sudahkah pusat latihan itu dibina atau belum. Sudahkah kursus dijalankan atau belum. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar. Saya minta Yang Berhormat ulang semula sekali lagi lebih kuat. Saya sudah umur 64 tahun sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Enam puluh empat tahun muda lagi, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Tee Thiong Hock: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah Menteri kita telah pun identify sebab utama (primary reason) ke atas kompelin kualiti produk pembinaan, seperti rumah, kedai, factory ataupun lain-lain jenis produk, iaitu kekurangan kemahiran pekerja sama ada pekerja tempatan ataupun pekerja asing yang bekerja di negara kita. Pada lebih kurang tiga tahun yang lepas kalau tak salah saya ada beberapa MoU telah ditandatangani oleh pihak CIDB sama pihak swasta. Di sini saya mahu tanya adakah MoU ini telah pun direalisasikan ataupun pusat-pusat latihan ini telah pun dibina dan kursus telah dijalankan. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada juga beberapa perjanjian persefahaman telah ditandatangani di antara CIDB dengan beberapa pihak swasta, separuhnya telah dilaksanakan sekarang, oleh kerana itulah kita dapat lebih kurang 3,000 orang diberi latihan. Selain daripada itu, kita akan menubuhkan satu pusat di negeri Sarawak tidak lama lagi, baru sahaja kita menandatangani untuk membeli tanah, bukan sahaja tanah sahaja di sana ada juga beberapa bangunan telah disiapkan. Saya percaya kita juga boleh mula latihan di negeri Sarawak. Ini berkenaan dengan taraf pembinaan di negara kita seperti apa saya jelas tadi, taraf ini paling kurang sekarang. Oleh kerana satu masa yang lalu semua pekerja dalam bidang pembinaan itu ialah kaum Tionghua, kaum Cina, dan yang kedua ada juga kaum bumiputera sedikit, kaum India langsung tidak ada. Mereka sudah tetap dapat kerja di ladang-ladang.

Jadi, sekarang kaum keturunan Cina tidak berminat untuk menjadi tukang kayu dan lain-lain. Jadi, kita kena jaga dan kita juga kena cari lebih ramai pekerja asing untuk memberi latihan kepada mereka, dengan itu kita juga boleh mendapat kerja yang bertaraf. Satu masalahnya, kita beri latihan-latihan sahaja dia lari pergi ke tempat yang lain. Jadi, industri pembinaan berkenaan dengan pekerja-pekerja dengan kemahiran itu menjadi satu masalah besar sekarang. Kita mencari jalan macam mana kita boleh selesaikan ini.

2. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat ini berapakah jumlah paten bioteknologi yang telah didaftar oleh saintis Malaysia dan pihak asing dan sila nyatakan jumlah saintis mengikut bidang pengkhususan (specialization) dan apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi jumlah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Paten mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1986 sehingga akhir Jun 2000 sebanyak 198 paten bioteknologi telah didaftarkan. Daripada jumlah ini, hanya satu sahaja yang didaftarkan oleh pemohon daripada Malaysia, manakala 197 lagi adalah daripada pemohon luar negara. Paten bioteknologi daripada Malaysia itu merupakan milik

bersama di antara Lembaga Getah Malaysia dan sebuah syarikat Jepun, iaitu mengenai mikro organisma yang didaftarkan dalam tahun 1993.

Pada masa ini tidak ada maklumat terkini mengenai bilangan saintis mengikut bidang pengkhususan kerana kajian mengenainya dibuat setiap 10 tahun sekali oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kajian yang berikutnya hanya dijalankan pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, kajian R&D yang dibuat pada tahun 1998 mendapati bilangan saintis Malaysia adalah pada nisbah 7 orang bagi setiap 10,000 tenaga kerja (7:10,000). Ia meliputi pelbagai bidang termasuk elektrik dan elektronik, kimia, petroleum, pemprosesan makanan dan lain-lain.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi bilangan saintis termasuk;

- (i) mengenal pasti bidang-bidang keutamaan yang perlu diberi tumpuan;
- (ii) melaksanakan program R&D, Intensification of Research in Priority Area (IRPA), dengan izin, bagi meningkatkan kepakaran saintis-saintis yang sedia ada dan memberi insentif kepada mereka untuk terus berkecimpung dalam bidang R&D.

Kerajaan juga melaksanakan program Pasca Siswazah, Pembangunan Sumber Manusia, Sains dan Teknologi dan National Science Fellowship yang menyumbang secara terus dalam usaha meningkatkan bilangan dan tahap kepakaran saintis sama ada di peringkat universiti ataupun di institusi pendidikan yang lain. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan research and development dalam bidang sains di negara ini yang antaranya ialah;

- (i) memperkenalkan skim R&D bagi sektor awam iaitu semenjak Rancangan Malaysia Kelima melalui program Intensification of Research in Priority Areas dengan peruntukan sebanyak RM400 juta. Peruntukan untuk program ini telah ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada RM600 juta dan seterusnya kepada RM935 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh;

- (ii) menggalakkan dan mempertingkatkan penglibatan pihak swasta dalam aktiviti R&D melalui pewujudan skim-skim geran penyelidikan, seperti Industrial Grant Scheme, Multimedia Grant Scheme dan Demonstrator Application Grant Scheme.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program penggalakan skim pengiktirafan kepada saintis-saintis negara juga telah diberi melalui pelbagai anugerah sains pada setiap tahun. Penyertaan saintis Malaysia dalam pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa serta anugerah-anugerah yang diperolehi oleh mereka telah diberi liputan yang luas dengan harapan akan dapat mempertingkatkan lagi kegiatan R&D di Malaysia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam pemantauan kerajaan berapa ramai lagi rakyat Malaysia yang masih berada di luar negara yang mempunyai kemahiran dalam bidang sains atau bidang-bidang pengkhususan yang lain dan apakah usaha kerajaan untuk memanggil mereka kembali berkhidmat dalam negara sendiri.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tentang bilangan berapakah ramai saya tidak ada maklumat yang tepat tentang perkara ini. Pihak kerajaan adalah susah untuk memujuk mereka balik ke negara kita oleh kerana ada yang telah keluar negara dan kehilangan sijil kerakyatan negara kita, maka kalau mereka ingin kembali ke negara ini pun kita perlu menyelidik kes demi kes. Tetapi bilangan saya tidak dapat menjawab.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya. Daripada 198 paten yang telah didaftarkan dengan kementerian ini, adakah tinjauan dibuat dari jumlah ini berapa telah digunapakai secara komersial untuk mendatangkan hasil-hasil daripada paten itu. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, jumlah paten seperti saya jawab yang telah didaftarkan adalah 198 termasuk satu daripada Malaysia dan berapa digunapakai, kita tidak menjalankan pemantauan Sebenarnya kalau paten itu kadang-kadang didaftarkan di luar negara dan pemohon itu daftarkan paten itu di negara kita pun, jadi pemantauan terhadap berapa banyak dieksploitasikan tidak dilakukan.

3. Tuan Zakaria bin Arshad minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan adakah jumlah hasil kutipan tiket masuk berbaloi dan boleh menampung kos penyenggaraan dan pementasan yang berlangsung di Istana Budaya yang mulai terkenal itu, dan adakah pementasan *Tun Perak* yang dilangsungkan baru-baru ini memberikan keuntungan kepada pihak pengurusan Istana Budaya itu sendiri.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, teater *Tun Perak* telah dipentaskan mulai 6 hingga 20 Mei 2000 yang lalu dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Pementasan ini merupakan pembuka tirai bagi pementasan teater alaf baru di Istana Budaya.

Teater *Tun Perak* ini mengisahkan tentang kebijaksanaan pahlawan Tun Perak semasa mentadbir Kerajaan Melaka di bawah pemerintahan empat orang Sultan pada masa itu.

Walaupun sambutan kehadiran bagi pementasan ini amat menggalakkan, namun kutipan yang diperolehi hasil dari jualan tiket tidak dapat menampung kos penyenggaraan dan pementasan teater tersebut. Di antara sebabnya adalah kerana jualan tiket bagi pementasan teater yang berkenaan adalah terhad serta harga tiket yang dijual pula amatlah murah iaitu RM10, RM20, RM30 dan RM50 sahaja.

Harga tiket yang murah ini adalah bagi membolehkan semua golongan masyarakat serta peminat teater untuk menyaksikan setiap pementasan teater ataupun mana-mana persembahan yang dianjurkan oleh pihak Istana Budaya.

Memandangkan kepada jumlah atau hasil kutipan yang diperolehi, sememangnya apa yang diperolehi itu tidak berbaloi dengan kos penyenggaraan dan pementasan teater berkenaan. Ini tidak bermakna pihak Istana Budaya mengalami kerugian ataupun tidak memperolehi keuntungan dari pementasan tersebut. Nilai keuntungan yang dimaksudkan bukan terhad kepada jumlah kutipan hasil jualan tiket, malah keuntungan yang diperolehi adalah berdasarkan beberapa perkara yang sememangnya tidak dapat dinilai dari segi wang ringgit.

Apa yang penting serta perlu diambil kira dari pementasan tersebut ialah kejayaan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam menyemarakkan kegiatan seni khususnya teater tanah air. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dengan wujudnya Istana Budaya yang merupakan satu prasarana

penting bagi kegiatan teater, secara tidak langsung telah memartabatkan seni ini telah dapat dipertingkatkan.

Selain dari kutipan hasil jualan tiket melalui pementasan teater berkenaan, pihak Istana Budaya telah berjaya mendekatkan generasi muda kepada dunia teater serta memberi pendedahan secara langsung kepada generasi muda untuk berkenalan serta melibatkan diri dengan dunia seni khususnya teater.

Ini merupakan satu keuntungan besar kepada negara, bila mana generasi muda telah mula mengenal dan mencintai teater. Bukti yang jelas diperolehi melalui peningkatan jumlah penuntut yang menyaksikan beberapa pementasan teater yang telah diadakan selepas itu.

Sememangnya pihak kementerian juga tidak bertujuan untuk mencari keuntungan dalam bentuk wang ringgit bagi sebarang pementasan teater, mahupun persembahan-persembahan lain malah tujuan sebenarnya lebih kepada memantapkan kegiatan seni tanah air serta memberi peluang dan juga ruang kepada penggiat seni untuk berkarya di tahap cemerlang bersesuaian dengan kecanggihan sistem pentas yang sedia ada. Peluang untuk mengendalikan peralatan canggih di Istana Budaya merupakan satu bentuk latihan khususnya kepada kakitangan serta tenaga produksi yang terlibat.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana menganjurkan program-program yang baik seperti ini yang terakhirnya ialah *Siti Zubaidah* yang tidak kurang hebatnya, malah mengikut pandangan umum lebih hebat dari *Tun Perak* dan saya pun bersetuju.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula tentang cerita-cerita sejarah yang masyarakat Malaysia masih belum mengetahui, sebagai contoh keluar dalam akhbar *New Straits Times* dalam tiga, empat hari yang lepas, tentang cerita Tengku Anom di Kubang Pasu yang sejarahnya ialah negeri Kubang Pasu yang mempunyai sejarah yang begitu amat hebat dan Kubang Pasu melahirkan pemimpin agung dunia atas nama Dr. Mahathir Mohamad, saya rasa ini satu *angle* yang baik oleh pihak kementerian jadikan sebagai satu teater dan dipersembahkan dalam Istana Budaya. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang negara kita mempunyai banyak cerita-cerita hebat yang berkait dengan sejarah dan boleh dipentaskan dan boleh menjadi contoh dan teladan kepada generasi yang akan datang tetapi kita harus ingat juga bahawa untuk mengeluarkan sesuatu pementasan di Istana Budaya memerlukan biaya tidak kurang daripada setengah juta ringgit setiap teater dan oleh sebab itu, kita perlulah berhati-hati dalam memilih cerita supaya ia memberi keuntungan yang maksimum dari pelbagai segi.

Dan setakat ini bila kita mementaskan sesuatu teater, kita hanya pentaskan untuk selama dua minggu, tetapi oleh sebab sambutan sudah pun begitu menggalakkan, kita bercadang supaya pada masa hadapan, sesuatu teater itu kita akan terus menerus mementaskan selama sebulan. Bermakna pada tahun hadapan, habis tinggi, kita boleh hanya pentaskan lebih kurang enam sahaja cerita epik teater di Istana Budaya kerana kita juga perlu memberi ruang untuk pertunjukan-pertunjukan antarabangsa, pertunjukan yang berkelas antarabangsa, konsert, simfoni dan sebagainya dari luar negara.

Namun demikian, kita sedang juga memikirkan untuk meningkatkan lagi pelbagai lagi teater yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur dan di tempat-tempat lain supaya kita dapat pentaskan banyak lagi pementasan-pementasan termasuk juga cerita seperti Tengku Anom ini.

Tuan Yang di-Pertua, cerita Tengku Anom ini, Ahli Yang Berhormat kita terlalu minat kerana kampung halaman dia itu tepi Kampung Pisang, kalau tidak salah saya. Insya-Allah, itu memang satu cerita yang hebat, saya sendiri melawat kampung itu pertama kalinya dua hari sudah dan kita terpaksa membuat sesuatu di sana, insya-Allah.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya harap perkataan 'berbaloi' yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Zakaria dan juga dalam jawapan Menteri yang berkenaan difahami oleh Dewan ini.

Yang keduanya, pertanyaan saya ialah berasaskan kepada sambutan terhadap pertunjukan di Istana Budaya ini, apakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bercadang untuk mengikuti langkah yang telah dibuat oleh pihak Petronas mengeluarkan satu jadual yang diedarkan oleh akhbar, yang saya lihat

semalam oleh akhbar *The Star* menjadualkan pementasannya untuk selama setahun dan apakah pihak pengurusan Istana Budaya ini berkemampuan untuk melakukan demikian dalam usaha promosinya terhadap pertunjukan di Istana Budaya.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit perbezaan antara *concert hall*, dewan yang dipunyai oleh Petronas dengan teater Istana Budaya kerana di Petronas kita tidak boleh mengadakan pementasan seperti di Istana Budaya kerana ia hanya merupakan *concert hall*, tetapi teater Istana Budaya itu mempunyai *stage* yang cukup canggih, boleh dibesarkan, boleh ditinggikan, boleh direndahkan dan sebagainya dan *stage* itu pada ketika ini menggunakan alat yang cukup canggih, tetapi malangnya kita masih menghadapi pelbagai masalah teknikal yang masih sedang diperbaiki dan kita belum berpuas hati dengan masalah tersebut.

Malah semasa kita mementaskan *Siti Zubaidah* baru-baru ini, yang kita rasa segala masalah sudah pun kita atasi, pada satu ketika *propnya* tersangkut juga, jadi kita memang ada sedikit masalah kerana teater itu memang menggunakan peralatan yang boleh dikatakan yang paling canggih dalam dunia pada ketika ini.

Tetapi insya-Allah, oleh sebab itu kita masih dalam peringkat *trial and error*, insya-Allah mungkin pada tahun hadapan kita boleh adakan senarai untuk sepanjang tahun, insya-Allah.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya. Sebagaimana yang kita maklum bahawa teater ini telah lama dapat menarik minat pelanggan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersedia untuk program anak-anak sekolah dan juga anak-anak muda kita untuk mengikuti teater-teater bercorak sejarah, walaupun tadi telah disebutkan dengan teater *Tun Perak*, *Siti Zubaidah* dan lain-lain kerana teater ini kalau dapat disesuaikan dengan cita rasa anak muda, dapat dipentaskan, menarik minat mereka dan yang ini dapat meningkatkan semangat patriotisme mereka terhadap negara kita ini.

Sebagaimana yang kita maklum, sekarang ini sudah ada kelunturan semangat cinta kepada negara ini. Jadi dengan adanya teater-teater yang bercorak sejarah

mungkin muzikal sejarah dan sebagainya, boleh menarik minat anak-anak muda dan anak-anak sekolah menimbulkan suasana cinta kepada negara ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, sebagaimana yang telah saya nyatakan, apabila pementasan bagi cerita-cerita akan datang ini dipanjangkan dari dua minggu ke sebulan, maka sudah tentulah ini akan dapat memberi peluang kepada ramai juga murid-murid sekolah untuk turut menyaksikan persembahan-persembahan di Istana Budaya.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kerana orang yang mengatitkan soalan ini pun cantik, nombor satu MIC jawab, nombor dua MIC, nombor tiga tidaklah, tetapi nombor empat MIC lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak ucap tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di atas peranannya khususnya dalam dapat menarik minat golongan muda untuk berminat kepada teater ini kerana kita tahu dalam negara kita, kita agak dahaga perkara-perkara yang dapat menarik minat golongan muda ini.

Tetapi saya ingin bertanya, memandangkan berita yang kita dengar itu begitu memberangsangkan, apakah kementerian juga bercadang untuk mengembangkan konsep Istana Budaya ini, mungkin tidak Istana Budaya yang sebenarnya tetapi konsepnya ke negeri-negeri agar kita dapat pula menarik minat golongan muda di setiap negeri. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang itu cadangan kementerian. Sekarang ini pun hampir di setiap negeri sudah pun disediakan pusat kebudayaan iaitu projek dari Persekutuan termasuk di Pulau Pinang dan di setiap pusat kebudayaan itu, kita ada satu *stage* yang tidaklah sebesar Istana Budaya di mana persembahan teater dapat diadakan. Namun demikian, kita berharap apabila kegiatan di Istana Budaya ini berjaya dan kita dapat meningkatkan minat rakyat pada keseluruhannya kepada teater, maka pada waktu itu kita bolehlah adakan teater-teater yang canggih di beberapa tempat bandar-bandar besar, dan ianya dapat dijadikan *viable* juga dari segi keuntungannya, makna bukan sahaja kerajaan mungkin

juga pihak swasta juga akan berminat untuk melabur dalam membangunkan teater seperti di negara-negara Barat. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' V. K. K. Teagarajan

4. Tuan N. Marimuthu [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan terhadap pemilik-pemilik Cap Dagang atau *Trademark* yang hanya menyimpan Cap Dagangan mereka tanpa apa-apa aktiviti ataupun *dormant*; dan
- (b) sekiranya, para pemilik Cap Dagang ini boleh menyimpannya tanpa aktiviti, berapa lamakah mereka boleh berbuat demikian.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Akta Cap Dagangan 1976 tidak mewajibkan pendftar Cap Dagangan memantau penggunaan cap-cap dagangan sama ada ia digunakan atau sebaliknya..
- (b) Akta Cap Dagangan 1976 membenarkan seseorang itu memiliki sesuatu cap dagangan untuk selama-lamanya tertakluk kepada pembaharuannya atau sekiranya tiada pihak ketiga yang mengambil tindakan di bawah Seksyen 46 untuk mengeluarkan cap dagangan itu daripada daftar atas alasan tiada penggunaannya. Ini tertakluk kepada keputusan mahkamah dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendaftaran sesuatu cap dagangan adalah selama sepuluh tahun dan boleh diperbaharui setiap sepuluh tahun seterusnya.

5. Tuan Khoo Lay Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah salah di sisi undang-undang perbuatan beberapa pihak tertentu dari luar dan dalam negeri menjual Ijazah Ph.d dan Ijazah Sarjana Kehormat kepada sesiapa yang sanggup membeli oleh sebab perbuatan ini mencemarkan suasana akademi dan menjejaskan imej negara kita sebagai pusat pendidikan serantau.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin. Adalah menjadi suatu kesalahan di sisi undang-undang perbuatan menjual Ijazah Ph.d dan Ijazah Sarjana Kehormat kepada sesiapa yang sanggup membelinya.

Perkara ini bukan sahaja tertakluk kepada penjual dari luar negara tetapi juga penjual dari dalam negeri. Kementerian Pendidikan memandang serius jika perbuatan ini berlaku kerana perbuatan ini tidak beretika dan menjejaskan kredibiliti institusi pendidikan tinggi dan juga menjejaskan imej negara.

Bagi institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) atau pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang menjalankan kegiatan tersebut, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 24 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan Seksyen 70 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kerana perkara ini nampak agak berleluasa. Apakah institusi-institusi dan ejenejen yang terlibat terutama sekali menjual Ph.d. Saya nampak kadang-kadang sahabat saya yang tidak ada pelajaran Darjah 6 pun dapat Ph.d. *[Ketawa]*

Jadi, perkara ini sudah berlaku dan digunakan itu, 'doktor *so and so*' namanya, apa dia institusi-institusi, baik di Amerika atau di mana sahaja yang menjualnya dan berapa ramai pegawai kerajaan dan pensyarah-pensyarah yang telah terlibat bagi menyalahgunakan akta Ph.d dengan nama doktor di hadapan. Saya difahamkan perkara itu telah berlaku dahulu dan saya ingin tahu setakat ini berapa ramai pegawai-pegawai kerajaan, fasal ia terikat dari segi perundangan JPA dan juga tenaga pengajar di universiti-universiti yang menggunakan Ph.d tetapi tidak ada PhD. Jadi, kita telah telah tertipu. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah, saya akan beri jawapan perkara ini yang melibatkan institusi-institusi yang berkenaan kepada Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, pada peringkat ini tidak terdapat pensyarah-pensyarah universiti yang mempunyai ijazah-ijazah Ph.d atau Ijazah Sarjana Kehormat yang dibeli tetapi memang ada kita dapati pegawai-pegawai yang di luar daripada universiti

yang mengaku dirinya mempunyai Ph.d tetapi diselidik, sebenarnya mereka tidak mendapat Ph.d yang tersebut dan ada yang telah diminta secara hormat berhenti daripada jawatan mereka dan kalau diperlukan nama-nama itu boleh diberikan nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila timbul masalah ijazah boleh dibeli ini kita bimbang juga. Adakah Kementerian Pendidikan membuat kajian dari masa ke semasa di mana ijazah-ijazah ataupun universiti yang telah kementerian iktiraf untuk membuat penilaian kerana perjalanan masa dan perubahan di dalam universiti itu sendiri boleh membawa kepada taraf pencapaian akademiknya. Jadi, oleh itu penilaian dari masa ke semasa sangat-sangat diperlukan. Jadi, adakah ini kementerian telah buat?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pendidikan kita telah menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara. Mereka ini bertanggungjawab untuk memastikan semua universiti terutama sekali universiti swasta adalah tertakluk kepada mereka. Bagi universiti-universiti awam, perkara ini tidak timbul kerana ia memang direstui oleh kerajaan dan mendapat pemantauan yang begitu serius. Bagi negara hari ini, kita mempunyai universiti-universiti tertentu sahaja yang diiktiraf untuk anak-anak kita belajar di luar negara. Semua universiti luar negara yang diiktiraf sahaja yang kita galakkan bagi anak-anak kita memasukinya. Kepada sesiapa yang mempunyai ijazah yang tidak diiktiraf oleh negara kita, maka mereka hanya boleh mendapat ijazah tetapi tidak mendapat apa-apa faedah dari segi membangunkan negara kita. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, yang paling banyak menggunakan Ph.d atau gelaran atau panggilan Dr. di hadapan ialah di kalangan pensyarah-pensyarah agama, ini yang paling banyak dan paling mudah orang ramai tertarik dan ada setengahnya Ph.d tetapi dia menjadi bomoh atau menjual air jampi. Ini diketahui umum, paling banyak. Kadang-kadang mereka ini berkesempatan muncul di televisyen dan sebagainya dan menjadi tokoh-tokoh besar yang meyakinkan orang ramai dan mengelirukan masyarakat dan sebagainya. Siapakah yang membuat pemantauan dan siapakah yang boleh mengambil tindakan, siapakah yang melakukan siasatan sehingga menjadi satu penyakit masyarakat yang paling

besar dan menakutkan kita sekarang? Siapakah yang bertanggungjawab dalam soal ini?

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin. Memanglah menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Pendidikan untuk menentukan ijazah-ijazah sama ada Ph.D ataupun Ijazah Kehormat ataupun Ijazah Pertama dan mengucapkan berbanyak terima kasih di atas bomoh sudah menjadi doktor ini dan kita akan membuat penelitian yang serius terutama sekali berhubung kait dengan apa yang Yang Berhormat utarakan tadi dan insya-Allah, kita di pihak pusat pengajian tinggi akan memastikan supaya semua yang sekarang berkhidmat dengan kerajaan sama ada di Kementerian Pendidikan ataupun di Jabatan Pusat Islam, IKIM dan lain-lain bahawa semua ijazah mereka itu adalah ijazah yang diiktiraf sebenarnya, insya-Allah Terima kasih.

6. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah sebarang pelan strategik secara besar-besaran untuk mengubah sikap 'masyarakat yang terlalu bergantung kepada kerajaan' dalam semua hal termasuk insentif-insentif yang berkenaan serta program-program tertentu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sememangnya mempunyai pelan strategik dalam usaha untuk mengubah sikap masyarakat yang sering bergantung kepada kerajaan. Melalui falsafah dan strategi pembangunan luar bandar ke arah tahun 2020, tiga daripada tujuh inisiatifnya adalah ke arah mengubah sikap masyarakat iaitu pembangunan manusia yang cemerlang, pembangunan keluarga yang sejahtera dan pembangunan masyarakat yang beridentiti dan berdaya tahan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa program telah dilancarkan termasuklah melalui Program Gerakan Desa Wawasan (GDW). Di bawah program ini tumpuan adalah kepada pembangunan sikap penduduk melalui penglibatan secara aktif bagi menjadikan kawasan luar bandar sebagai kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Di samping itu, kementerian melalui agensi-agensinya khususnya KEMAS dan Institut Kemajuan Desa (INFRA) turut bertanggungjawab memberikan

latihan-latihan tertentu khusus bertujuan mengubah sikap masyarakat luar bandar supaya lebih berdikari.

Bagaimanapun, untuk sesebuah masyarakat berdaya maju, adalah amat perlu baginya mempunyai asas sumber ekonomi yang kukuh dan mapan. Maka, untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah berusaha menjalinkan pakatan strategik dengan beberapa kementerian lain untuk menggembelngkan semua agensi di bawah mereka ke arah mengatasi masalah ekonomi kumpulan-kumpulan sasar tertentu. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, salah-satu daripada program mengubah sikap masyarakat ini yang dilaksanakan oleh kementerian ialah melalui Gerakan Desa Wawasan bagi memenuhi tuntutan matlamat untuk maju, menarik dan menguntungkan. Jadi, setakat ini apakah pemerhatian dan pandangan kerajaan tentang kejayaan-kejayaan Gerakan Desa Wawasan kerana banyak di antara program-program Gerakan Desa Wawasan yang dilaksanakan di desa-desa, hanya tinggal pengkalan logo-logo sahaja.

Jadi, bagaimanakah tahap kemajuan, tahap keberkesanan dan apakah Gerakan Desa Wawasan akan diganti dengan gerakan lain untuk memantau matlamat yang dikehendaki oleh kementerian dalam pembangunan ataupun tranformasi pembangunan luar bandar ini?

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab kepada soalan Yang Berhormat tadi, eloklah saya memberi sedikit-sebanyak konsep mengenai Gerakan Desa Wawasan iaitu konsepnya ialah untuk membangkitkan kesedaran minda, perubahan sikap dan pengupayaan atau, dengan izin, *empowerment*, kepada masyarakat desa supaya mereka boleh membawa perubahan yang lebih maju, menarik dan menguntungkan bagi kampung-kampung mereka dan setakat ini seba b Gerakan Desa Wawasan ini telah dilancarkan dalam tahun 1996 dan setakat ini adalah sebanyak 3,000 buah kampung dengan taburan seperti berikut:

Jumlah kampung GDW

KEMAS

2,650

RISDA	109
FELCRA	44
KESEDAR	46
KETENGAH	39
KEDA	45
PERDA	38
KEJORA	29

Oleh yang demikian, hasrat Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah boleh dikatakan tersebar luas juga tetapi masalah yang dihadapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ada setengah-setengah buah kampung itu hanya logo-logo sahaja. Memang betul Yang Berhormat, tetapi sekarang ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam hasratnya adalah untuk memantau segala GDW-GDW yang telah diwujudkan dan oleh yang demikian, beberapa pihak telah digemblengkan dari segi tenaga untuk memantau tetapi kebanyakan apa yang dilakukan ini bukan hanya bergantung kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi banyaknya bergantung kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan di dalam GDW untuk mewujudkan beberapa program iaitu sehaluan dengan hasrat tujuan GDW itu dijalankan. Jadi, bermakna di sini penglibatan semua pihak untuk memastikan ianya berjaya.

Jadi, daripada tahun 1996, ianya baru diwujudkan, jadi sekarang ini pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam menjalankan pemantauan iaitu mungkin hendak mengubah sedikit sebanyak konsep GDW supaya memberi betul-betul *empowerment* kepada masyarakat desa.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Se ri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di peringkat negeri Sabah sejauh manakah Gerakan Desa Wawasan ini telah berjaya?

Yang kedua, apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh kementerian dalam memilih sesuatu kampung untuk dimasukkan dalam Program Gerakan Desa Wawasan?

Yang ketiga, tadi ada disebutkan tentang Institut Kemahiran Desa, adakah Institut Kemahiran Desa ini sudah diwujudkan di negeri Sabah? Terima kasih.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memandangkan angka yang diperlukan begitu khusus, izinkan saya memberikan angka itu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Mengenai kriteria bagaimana kampung-kampung GDW ini dipilih adalah kampung-kampung yang bermacam-macam masalah dari segi PPRT, dari segi kampung yang betul-betul memerlukan pembangunan, kampung-kampung yang kebanyakannya tidak ada kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik. Jadi, selalunya kampung ini diberikan pengkhususan. Kampung-kampung ini dipilih melalui pejabat-pejabat daerah dan pejabat pembangunan di negeri-negeri.

Bilangannya ialah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh diperlukan 3,000 buah kampung. Insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini nanti juga 3,000 buah kampung akan diwujudkan GDW dan kriteria-kriteria tersebutlah yang menentukan kampung-kampung ini dan memerlukan pengemblengan daripada masyarakat setempat dan juga pejabat-pejabat daerah.

Mengenai INFRA (Institut Kemajuan Desa) belum ada di Sabah dan buat masa ini INFRA hanya di sini, di Kuala Lumpur tetapi insya-Allah ada perancangan untuk mengadakan cawangan-cawangan tetapi ia adalah masih dalam perancangan. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah penyelidik sains tempatan telah berjaya mengadakan sistem tele perubatan kesihatan berasaskan Internet. Apakah kemudahan kesihatan yang akan dapat dinikmati oleh rakyat bila perkhidmatan tersebut dapat diwujudkan kelak melalui Internet.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar di Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mula menggunakan teknologi Internet, penghantaran *medical images* di antara dua facilities kesihatan sejak Internet mula diperkenalkan di sini tetapi perkhidmatan yang menggunakan Internet sebagai *delivery channel* utama adalah melalui pelaksanaan Aplikasi Perdana Telekesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Multimedia Super Corridor.

Empat projek telah dikenal pasti bagi menjayakan Aplikasi Perdana Telekesihatan yang akan berfungsi secara bersepadu termasuk projek:

- (i) Telerundingan atau *Teleconsultation*, dengan izin;;
- (ii) *Lifetime Health Plan*, dengan izin, atau Pelan Kesihatan Sepanjang Hayat;
- (iii) Mass Customised and Personalised Health Information and Education (MCPHIE), dengan izin, ataupun Maklumat dan Pendidikan Kesihatan untuk awam dan individu;
- (iv) Continuing Medical Education (CME) ataupun dipanggil Pendidikan Berterusan Perubatan.

Sebagai langkah membangunkan kepakaran tempatan dalam aplikasi IT, multimedia dan Internet dalam bidang telekesihatan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan MDC (Multimedia Development Corporation) telah menetapkan beberapa syarat agar penyelidikan di atas berkembang dan ini termasuk:

- (i) konsortium yang dipilih dikehendaki untuk mengadakan perkongsian teknologi dengan syarikat IT antarabangsa;
- (ii) pemindahan teknologi daripada rakan-rakan perkongsian syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah dilakukan;
- (iii) di samping melaksanakan aplikasi tele kesihatan, konsortium dan rakan teknologi antarabangsa hendaklah menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (iv) konsortium yang terbabit diperlukan untuk mendapat status MSC (Multimedia Super Corridor) di mana antara fokus mereka ialah penyelidikan dan pembangunan bagi membantu dalam pengeluaran ataupun *production-related R&D*, dengan izin.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Multimedia Development Corporation akan memastikan syarat-syarat tersebut benar-benar dipatuhi supaya matlamatnya tercapai.

Datuk Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, rawatan melalui tele-perubatan atau Internet nampaknya adalah satu kemajuan yang begitu menarik kepada saya. Adakah *tele-touch* akan menggantikan *human-touch*? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya di dalam tele-kesihatan ini, kita ada empat aspek seperti yang saya katakan tadi iaitu *Lifetime Health Plan* and satu lagi ialah *Mass Customised and Personalised Health Information and Education* dan ini adalah sebenarnya maklumat dan pendidikan kesihatan untuk awam dan individu. Ini melibatkan orang perseorangan di mana melalui projek ini satu perkhidmatan penyebaran maklumat kesihatan yang terkini dan relevan boleh dihantar secara elektronik kepada individu.

Dengan adanya perkhidmatan di atas, individu akan lebih bertanggungjawab dan diberi *self-empowerment* untuk menyelesaikan masalah mudah kesihatan peribadi atau anggota keluarganya.

Komponen perkhidmatan Telekesihatan MCPHIE adalah dirancang untuk disalurkan melalui rangkaian jaringan komunikasi Internet. Perkhidmatan ini yang akan diberikan melalui hospital atau klinik bagi mereka yang belum ada akses kemudahan Internet.

Faedah tambahan yang dijangka akan dinikmati oleh rakyat melalui aplikasi MCPHIE adalah juga termasuk:

- (i) seorang individu boleh membuat penilaian risiko kesihatannya, ataupun, dengan izin, *Health Risk Assessment* sendiri secara interaktif melalui aplikasi MCPHIE;
- (ii) bagi kes-kes penyakit kronik, pesakit boleh masukkan maklumat secara interaktif untuk dimantau oleh seorang doktor atau paramedik berdaftar secara elektronik dan mengambil tindakan awal jika perlu melalui sistem '*on-line medical alert*';
- (iii) setiap individu akan dibekalkan dengan satu Pelan Kesihatan Sepanjang Hayat Persendirian dan ini akan disalurkan melalui kemudahan Internet. Kemudahan ini akan membantu individu

bersama doktor mengambil tindakan pencegahan dan promosi kesihatan secara praktis.

Ini sebenarnya adalah untuk mereka yang ingin menggunakan Internet untuk kemudahan mereka sendiri. Jadi, pada bila-bila masa Kementerian Kesihatan sentiasa memastikan *the personal touch*, dengan izin, adalah yang penting dalam skim perubatan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, perpindahan teknologi canggih telah beroperasi di hospital kita di Malaysia. Soalan tambahan, apakah mekanisme alternatif jika masa-masa pembedahan dilakukan, berlakunya gangguan elektrik, terputus. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk pembedahan-pembedahan kritikal memang di setiap hospital memang kita ada sistem bekalan yang dipanggil generator untuk memastikan tidak ada sebarang gangguan semasa pembedahan-pembedahan yang serius dilakukan.

8. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian bercadang menghantar para belia mengikuti perkhidmatan wajib atau work brigade (dengan izin) bagi mengatasi masalah penagihan dadah di kalangan muda mudi di negara ini yang semakin membimbangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap masalah penagihan dadah. Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk menghantar para belia mengikuti perkhidmatan wajib bagi mengatasi masalah penagihan dadah di kalangan muda-mudi di negara kita buat masa ini.

Pada masa ini program khas pencegahan dadah untuk belia sebenarnya telah pun dilaksanakan iaitu Program Belia Berwawasan Tanpa Dadah yang menitikberatkan aspek-aspek seperti:

- (i) jati diri;
- (ii) ketahanan diri;
- (iii) kemahiran *personal* dan *inter-personal*, dengan izin.

Kepesatan pembangunan menyaksikan peluang-peluang pekerjaan terutamanya di sektor swasta. Ini juga menyebabkan pengangguran di kalangan belia adalah rendah. Ramai belia di Malaysia mendapat pekerjaan di kilang-kilang sama ada swasta mahupun syarikat-syarikat kerajaan .

Pihak kerajaan melalui Agensi Dadah Kebangsaan telah, sedang dan akan terus melaksanakan program pencegahan dadah di tempat-tempat kerja meliputi syarikat-syarikat Industri Kecil dan Sederhana ataupun syarikat besar. Melalui program tersebut sebahagian besar golongan belia menjadi kumpulan sasarannya. Program pencegahan tersebut akan disokong pula dengan program-program pencegahan lain di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi yang kini telah pun disampaikan mesej kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada semua belia malah ketika mereka berada di dalam persekolahan lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita dapati belia-belia yang tinggal di pusat-pusat serenti walaupun program yang dijalankan oleh kerajaan begitu baik, namun kita tidak dapat menafikan bahawa penagih-penagih dadah ini begitu berleluasa.

Jadi, soalan tambahannya ialah mungkinkah kerajaan dapat memikirkan belia-belia yang berada di pusat serenti ini supaya mereka benar-benar pulih, katalah setahun, setahun setengah terus diserapkan ke dalam perkhidmatan wajib dan sebagainya kerana lazimnya depa keluar, masuk balik, keluar, masuk balik, ini perkara biasa. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa seseorang penagih ditahan di pusat serenti untuk selama dua tahun, dalam masa dua tahun itu memang pelbagai program dan latihan diberikan termasuk dengan latihan rohani, latihan jasmani supaya mereka memang pulih sebagai seorang penagih. Tetapi masalahnya ialah selepas seseorang penagih itu dilepaskan ataupun dibebaskan dari pusat tahanan, pusat serenti, masalah ini kemungkinan akan berulang sebab selepas seseorang penagih bila dia keluar dari pusat serenti, boleh dikatakan hampir 100% pulih. Tetapi oleh kerana beliau apabila dia keluar dari pusat serenti, jika tidak dapat pekerjaan yang agak beliau suka, maka beliau akan dengan secara tidak langsung balik kepada tabiat yang sebelum itu.

Ini adalah masalah tetapi kerajaan sekarang telah pun mengadakan program yang baru supaya bila seseorang penagih dipulihkan dan dibebaskan dari pusat serenti, maka peluang-peluang pekerjaan dapat diberikan kepada orang seumpama ini. Melalui usaha-usaha yang dijalankan begitu lama, memang kerajaan pun rasa tidak puas hati lagi sebab lebih kurang dalam lingkungan 30% bekas penagih selepas dibebaskan, tidak ulang masuk ke pusat serenti lagi. Baki 70% dalam masa setahun hingga dua tahun, oleh kerana masalah begitu banyak, tidak menerima sokongan dari keluarga, tidak dapat pekerjaan, lepas itu bercampur balik, bergaul balik dengan kawan-kawan lama, maka dalam masa setahun hingga dua tahun dia ulang tabiat yang lama dan ditangkap, masuk balik ke pusat serenti. Ini adalah masalah. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah pihak kementerian memberi jumlah yang terkini seramai manakah jumlah bilangan penagih dadah yang terkini dan sejauh manakah keberkesanan undang-undang yang ada dalam negara kita ini dalam menangani masalah dadah yang begitu menular dalam masyarakat kita.

Dato' Chor Chee Heung: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara terdapat 27 buah pusat serenti. Jika kita mengikut jumlah yang agak rasmi iaitu penagih-penagih yang ditahan di pusat serenti, maka bagi tempoh hingga bulan Julai tahun ini, di 27 buah pusat serenti, kita sedang mempunyai 8,287 orang ataupun penagih yang ditahan di pusat-pusat serenti.

Jika saya ditanya sama ada keadaan terkawal, maka saya ingin memberitahu Yang Berhormat iaitu melalui pelbagai usaha yang dijalankan selama ini walaupun kita masih tidak berpuas hati tentang pencapaian, apa yang dibuat oleh kerajaan selama ini tetapi keadaan masih dapat dikawal lagi. Sekian.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah penagihan dadah adalah begitu serius dari masa ke semasa. Kita semua tahu dadah adalah diimportkan secara haram dari negara asing. Jikalau masalah ini dapat diselesaikan, memang tidak ada masalah dadah.

Saya juga ingin tahu setakat ini apakah langkah yang diambil atau akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memberhentikan dadah yang diimport ke negara kita secara haram.

Soalan kedua, apakah kursus atau program pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengajar belia-belia supaya mereka memahami apakah bahaya berkenaan dadah. Umpamanya, mengajar mereka atau menasihatkan mereka jikalau hisap dadah akan merosakkan kebahagiaan keluarga atau memusnahkan masa depan mereka. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Sebahagian besar dadah ataupun najis dadah ini diimport, diseludup masuk dari negara lain ke negara kita. Dalam negara ini bila najis dadah ini sampai, memang ada juga pengusaha-pengusaha yang tidak bertanggungjawab, pengusaha-pengusaha yang melibatkan diri dalam kegiatan haram ini, menjadi pengedar, maka kerajaan telah pun begitu lama masih mempunyai pendekatan, pendekatan ini adalah dua strategi. Strategi yang pertama ialah melalui cara-cara untuk memastikan supaya bekalan dari luar negara tidak mudah masuk ke negara kita.

Kita dapat melihat, berita yang sentiasa tersiar di surat khabar, serbuan-serbuan, operasi-operasi oleh pihak polis telah pun berjaya merampas begitu banyak najis dadah ataupun dadah seumpamanya. Contohnya ialah surat khabar hari ini kita dapat melihat, membaca berita di mana di kawasan Sungai Petani, pihak polis telah pun berjaya dapat mengesan dan merampas begitu banyak heroin.

Ini adalah untuk memastikan supaya bekalan dari luar tidak mudah masuk. Bagi dadah yang telah pun berada di negara kita, memang melalui operasi polis dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa yang lain, termasuk semua lapisan masyarakat. Ini kita harap dapat mengurangkan permintaan melalui kempen-kempen yang sentiasa diadakan. Ini adalah salah satu jenis pendidikan awam di mana kita mendidik bukan sahaja budak-budak di sekolah, ataupun pelajar-pelajar di sekolah tetapi pada masa yang sama kita juga harap supaya masyarakat dewasa kita dapat juga tumpu ke hadapan, berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk mengadakan satu peperangan bersama.

Peperangan ini adalah satu peperangan yang agak mengambil jangka masa panjang, makan masa sedikit tetapi walau bagaimanapun melalui cara bersepadu ini kita harap, bukan sahaja dapat mengawal keadaan di dalam negara dan dalam jangka masa panjang sedikit kita dapat mengurangkan permintaan di negara kita. Tetapi kalau kata hendak memastikan supaya di seluruh Malaysia, di seluruh negara ini tidak ada dadah, kemungkinan adalah merupakan satu perkara yang agak susah sedikit dalam jangka masa pendek ini. Sekian.

9. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tujuan kerajaan untuk membina dan melepaskan "pesawat angkasa lepas" (spacecraft) melalui Agensi Angkasa Lepas Nasional (National Space Agency). Nyatakan kos perbelanjaan yang terlibat bagi projek ini dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pada masa ini Agensi Angkasa Lepas Nasional yang bertanggungjawab terhadap program angkasa negara masih belum lagi wujud. Bagaimanapun, langkah-langkah sedang diambil untuk menubuhkan sebuah Agensi Angkasa Kebangsaan yang akan memainkan peranan penting dalam merancang, menyelaras dan mengawal selia program angkasa negara.

Kertas Memorandum Kabinet untuk penubuhan agensi ini dijangka akan dikemukakan oleh pihak ke-menterian ke Mesyuarat Jemaah Menteri tidak lama lagi dan kemungkinan besarnya bahawa agensi ini akan ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Syarikat Astronautic Technology Sdn. Berhad (ATSB) telah pun berjaya membina mikrosatelit, TiungSAT-1 pada tahun 1998. Mikrosatelit ini telah dibina oleh lapan orang jurutera Malaysia di UK melalui program pemindahan teknologi dengan Surrey Satellite Technology Limited (SSTL) UK dan mikrosatelit TiungSAT-1 ini akan membawa payload remote sensing,

komunikasi digital dan juga ujikaji saintifik. Projek ini adalah langkah penting Kerajaan Malaysia untuk membina kepakaran tempatan di dalam bidang teknologi satelit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos bagi pembinaan satelit mikro TiungSAT-1 ialah lebih kurang RM25,335,470 dan ianya akan dilancarkan pada 25 Ogos tahun ini di Kazakhstan

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah benar angkasa raya kita ini terdedah kepada pengintipan negara-negara luar khususnya negara-negara besar kerana ini ada kaitannya dengan keselamatan negara kita.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya dengan kemajuan sains dan teknologi hari ini semua negara adalah terdedah kepada kegiatan-kegiatan pengintipan menerusi penggunaan sistem satelit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.10 hingga 57 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[31 Julai 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyambung ucapan.

11.17 pagi.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita nyatakan semalam memang rang undang-undang ini merupakan satu keperluan untuk kita bekerjasama dengan tuntutan-tuntutan seperti yang dibincangkan oleh 130 buah negara di WTO tetapi seperti yang saya katakan semalam kita perlu menyiapkan Malaysia itu sendiri, negara kita. Apabila kita sudah buka pintu kepada dunia seluruhnya dalam era globalisasi dan liberalisasi ini, kita terpaksa bersaing dengan mereka yang lebih maju daripada kita.

Pagi ini dalam soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya amat terperanjat sekali apabila pihak kementerian mengatakan daripada 198 paten yang berdaftar di negara kita baru-baru ini, hanya satu sahaja paten daripada warganegara Malaysia dan itu pun bekerjasama dengan mikro organik daripada Jepun, syarikat yang berkesangkutan. Kerjasama ini baik kerana banyak negara mewujudkan kerjasama iaitu kerjasama bijak dan pintar ini dengan negara-negara lain kerana hendak mengambil kepintaran mereka itu, intelek mereka. Tetapi amat menyedihkan 198, satu sahaja kita dan sungguhpun dalam keadaan yang sama, pihak kerajaan telah pun meningkatkan dari segi research and development ini, dari segi perbelanjaannya, seperti yang dinyatakan tadi penyelidikan dan pembangunan ditingkatkan daripada Rancangan Malaysia Keenam yang berjumlah RM600 juta kepada Rancangan Malaysia Ketujuh yang berjumlah RM935 juta dan mengambil kira keutamaan-keutamaan (priority) tertentu.

Soalnya sekarang adakah perbelanjaan sebanyak itu hanya dapat menghasilkan satu paten sahaja. Memang semalam saya ada sebutkan kejayaan dari segi meng'commercialize'kan begitu kecil 5% sahaja - daripada 700 lebih penyelidikan-penyelidikan yang dibuat, hanya 5% yang mempunyai nilai komersial yang dipergunakan oleh pihak perniagaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan para saintis daripada tujuh orang setiap 10,000 orang amatlah dialu-alukan. Pada masa yang sama kita kena buka minda kita kepada saintis-saintis Malaysia yang berada di Amerika, Australia, Britain terutamanya untuk pihak kerajaan terutamanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, pergi buat satu ekspedisi. Dahulu kita buat mission untuk mengambil pelaburan ke negara kita, satu misi, satu rombongan melawat saintis-saintis Malaysia di negara-negara yang saya sebutkan

tadi, di negara-negara maju untuk mereka ini ditarik balik ke Malaysia, membantu negara mereka sendiri untuk menceburkan diri dalam bidang sains dan teknologi supaya kita menyertai arus perdana pembangunan paten dunia.

Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita sains sahaja memorandum, kita masuk, kita buat perundangan, memasuki Rang Undang-undang Paten ini tetapi kita masih lagi dijajah dari segi idea dan pengetahuan oleh negara-negara yang lebih maju. Kita tidak mahu wujud esok, bukan sahaja pemisahan dan ruang digital tetapi timbul pula teknologi divide atau pengetahuan divide, jurang paten divide, maknanya negara maju dengan patennya, kita penerima paten dan kita akan membayar premium yang begitu tinggi kerana paten kepunyaan mereka adalah monopoli sampai 20 tahun.

Banyak negara, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini hendak kurangkan sampai 20 tahun, sampai 10 tahun tetapi saya hairan kenapa kita tidak mengesyorkan di peringkat antarabangsa kerana kita penerima paten, bukan kita membuat paten. Kita sepatutnya mengambil kira negara-negara yang kurang maju, yang tidak ada paten ini supaya monopoli negara-negara maju atas paten sampai 20 tahun itu disingkatkan lagi.

Saya hendak syorkanlah dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa Kerajaan Malaysia mempelopori badan-badan seperti juga juga Dato Seri Dr. Mahathir selalu mempelopori dengan negara-negara lain, negara-negara selatan (south) ini untuk mereka menimbang, mengurangkan dari segi umur paten ini daripada 20 tahun ke 15 tahun, atau 10 tahun, mungkin 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengesyorkan supaya pertubuhan antarabangsa memainkan peranan. Baru-baru ini dalam Mesyuarat G8, Kumpulan 8 di Okinawa, mereka telah pun mengesyorkan terutamanya Jepun untuk memberi USD15 bilion, membantu negara-negara yang kurang maju, Malaysia ini kira maju jugalah - yang kurang maju supaya global digital divide, pemisahan digital peringkat global ini dapat dikurangkan. Kerana mereka tahu wujudnya globalisasi, wujudnya Internet ini, Tuan Yang di-Pertua, negara yang kurang maju akan ketinggalan, akan dipinggirkan dari segi arus pembangunan dunia.

Saya difahamkan pengguna-pengguna Internet misalnya, Tuan Yang di-Pertua, ini hendak cerita pasal bagaimana pentingnya kita menyiapkan diri ini,

pengguna-pengguna Internet yang berjumlah lebih kurang 323 juta orang di seluruh dunia. Tahu atau tidak daripada 323 juta orang seluruh dunia ini kebanyakannya di Amerika dan Eropah, dekat-dekat 70%, 80%. Di Afrika misalnya yang 600 juta orang manusia, yang menggunakan Internet hanya 2.7 juta orang. Itu pun di South Africa kebanyakannya.

Jadi, kita di Malaysia juga antara Lembah Klang dengan katakanlah kampung-kampung saya di negeri Pahang, Lembah Klang sendiri mempunyai lebih kurang 70% hingga 80% pengguna-pengguna Internet.

Jadi, digital divide ini bukan sahaja peringkat antarabangsa, peringkat negara kita sendiri amat ketara sekali pewujudan di Sabah dan Sarawak, tempat pedalaman, seperti yang kita tahu elektrik tidak ada, ini tidak ada, itu tidak ada, macam mana hendak ada Internet. Internet boleh bergerak tetapi sejauh mana boleh bergerak. Hendak pergi ke Bario kah, ke mana-mana di Sarawak dan Sabah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak kerajaan mewujudkan kerjasama dengan negara-negara maju, kalau kita sudah ambil saintis kita kembali bekerjasama dengan negara-negara maju kerana negara-negara jiran kita telah berbuat demikian. Saya hendak ceritakan di sini bagaimana Singapura sebagai satu contoh telah pun membuat tandatangan, memorandum dengan Shevon daripada Amerika, satu syarikat terbesar dalam bidang bioteknologi dengan perbelanjaan USD40 juta, kerana semua buat begitu, Tuan Yang di-Pertua, di Amerika itu sendiri, *National Institute Of Health* telah pun membelanjakan USD17 bilion bagi membuatkan penyelidikan dalam bidang perubatan dan daripada syarikat-syarikat *pharmaceutical* antarabangsa juga mereka telah pun membelanjakan USD15 bilion, macam mana kita hendak bersaing dengan jumlah yang begitu banyak mereka gunakan untuk mencari dan mencetuskan idea dan teknologi dan pendapat dari segi pengurusan pembangunan dan penyelidikan.

Sebab itulah saya minta pihak kerajaan berunding dengan Bangsa-Bangsa Bersatu, badan-badan Bank Dunia atau menerusi UNDP, paten-paten yang ada kaitan dari segi perubatan dibeli ataupun dibiayai sedikit oleh badan-badan dunia ini supaya boleh mengurangkan bebanan kepada negara-negara kurang maju apabila ianya dipasarkan. Kalau tidak mereka mencari keuntungan, Tuan Yang di-Pertua, Welcome

ke, syarikat-syarikat besar Upjohn dan sebagainya, Park Dewis, dia sudah membelanjakan duit, apabila ubat itu dia dapat, dia tidak akan menjualkannya secara murah, jadi paten pada mereka 10 hingga 15 tahun. Jadi, kalau ada badan dunia mengambil bahagian juga terutama *United Nation Development Program (UNDP)*, dia pun ambil bahagian lepas itu dia ada ekuiti di dalam satu-satu penyelidikan dan pembangunan supaya mengambil alih dari segi bebanan apabila ianya berjaya kepada negara-negara yang kurang maju.

Dan, Singapura saya sebutkan di sini kerana Singapura ni negara jiran kita, dia bekerjasama dengan John Hopkins untuk mengenal pasti kompaun-kompaun aktif dari segi *herba* China, ubat-ubat China ini. Dan, seperti yang kita buat di sini pun kita nyatakan bagaimana tongkat ali sampai sekarang tidak buat research and development, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengatakan, tongkat ali pun belum lagi diketahui secara saintifiknya dari segi kekuatannya, jadi, kita belum buat lagi dari segi penyelidikan.

Saya difahamkan juga *Institute of Molecule and Cell Biology* di Singapura juga bekerjasama dengan Galaxor Welcome iaitu sebuah syarikat pharmaceutical yang besar di Amerika. Sebab semata-mata hendak mengkaji dari segi barah hati atau 'liver' dan hidung 'nose', mereka sudah buat ini semua ini semua. Jadi, saya hendak tanya pihak kerajaan, kita bekerjasama dengan Jepun sahaja, adakah ada wujudnya kerjasama untuk hendak buat paten di negara kita ini dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang besar-besar atau dengan institut-institut kajian macam John Hopkins di negara-negara lain supaya kita juga boleh menjadi pusat penyelidik terutama sekali saya sebutkan semalam *tropical diseases*, penyakit-penyakit berjangkit di Tropika, negeri-negeri maju memang macam Aids dan sebagainya memang dia tidak berapa suka sangat dengan perkara-perkara ini kerana kebanyakannya yang berpenyakit ini adalah negara-negara kurang maju, jadi golongan berada kurang, dia hendak buat penyakit-penyakit yang glamour sahaja, yang ada di Amerika, di Eropah, pembelinya ramai.

Penyakit-penyakit tropic ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak berapa suka sangat buat research and development, penyelidikan kerana pasarannya kurang, bukan dia orang – orang memang tidak kurang, pasaran ini bermakna the power – pembeli,

kuasa pembelinya kurang, pasal duit tidak ada, macam mana orang Afrika yang sakit berjuta-juta boleh beli ubat yang harganya tinggi-tinggi, tidak mampu. Jadi, perkara yang seperti ini *tropical disease*, penyakit-penyakit berjangkit ini terpaksa diambil alih juga oleh badan-badan antarabangsa supaya ianya dapat disampaikan kepada orang yang mempunyai barah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dikejutkan baru-baru ini dengan *Human Genetic Project*, projek yang menganalisa – DNA ni sudah tidak ada sudah, itu fasa kedua sekarang ini – Ia menganalisa peta yang mempunyai 3,000 juta surat-surat *genetic letters* – ia sampai ke peringkat itu. Semata-mata hendak mencari jalan bagaimana penyakit-penyakit yang *hereditary* ini, yang mempunyai *genetic influence* ini dapat dihapuskan dan pakatannya adalah dengan Amerika Syarikat, dengan Cambridge Universiti, dengan Jepun, dengan French, dengan Germany, dengan China – 16 pusat bekerjasama untuk memastikan *genetic* penganalisa peta yang 3,000 juta surat-surat *genetic* ini dapat dikaji.

Soalnya sekarang, apabila mereka ini menemui penemuan-penemuan yang rahsia-rahsia badan kita ini, berapa banyak pula terpaksa ditanggung ataupun dijual kepada kita. Inilah sebabnya saya minta sangat pihak kerajaan membantu negara-negara miskin menerusi badan-badan antarabangsa, projek-projek semacam ini sepatutnya dibiayai oleh badan-badan dunia juga untuk mengurangkan apabila faedah penemuan-penemuan dibuat mengurangkan bebanan dari segi kos, dari segi kuasa pembelian yang kurang terdapat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, abad biologi yang ke-21 ini sepatutnya kita ambil bahagian dengan mengemukakan lagi, memantapkan lagi penyelidikan dan pembangunan oleh institusi-institusi pengajian tinggi oleh kerajaan sendiri dengan wujudnya satu kerjasama ataupun kerjasama pintas, bijaksana dengan negara-negara maju maka barulah kita dapat bersaing dengan negara-negara yang lebih maju daripada kita apabila pintu terbuka menerusi Akta Paten ini. Saya menyokong Akta ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan.

11.32 pagi.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan ini seperti rakan-rakan yang lain daripada semalam sehingga pagi ini untuk sama-sama memberi sumbangan, pandangan bersama untuk memberi sokongan kepada rang undang-undang dalam pembentangan yang telah dibuat oleh kementerian semalam.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang kita bincangkan ini adalah satu up-grade, dengan izin, satu pengubahsuaian selepas mendapat beberapa perkara yang boleh membantu meningkatkan lagi akta asalnya, seja k dilaksanakan Akta Paten 1983 yang mana kita tahu bahawa Akta Paten ini telah terlaksana sepenuhnya pada tahun 1986.

Oleh kerana perkara-perkara yang telah dibentangkan oleh kementerian dan kerajaan adalah untuk memperkukuhkan lagi kedudukan beberapa fasal sebagaimana yang tercatat di dalam huraian dalam pembentangan rang undang-undang ini tetapi yang lebih penting untuk kita membicarakan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan sama ada konsep pembangunan negara kita pada hari ini memerlukan satu kaedah pembangunan paten yang sesuai bukan sahaja dalam pembangunan masyarakat secara keseluruhannya tetapi dari segi pembangunan industri

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Michael Chen Wing Sum]
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Michael Chen Wing Sum]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana rakan-rakan yang lain, kita tahu bahawa paten ini adalah satu bentuk yang untuk memberi satu perlindungan dan pengawalan untuk pereka cipta kita dan kita rasa walaupun sebagai sebuah negara yang membangun ianya telah dapat memberi satu garis panduan dalam pembangunan industri kita dalam hal-hwal reka cipta dan paten ini. Tetapi dalam soal-soal biasa ianya banyak terletak kepada industri yang boleh menjalankan usaha-usaha reka cipta ini sama ada akta yang kita akan luluskan ini atau akta yang telah sama-sama kita laksanakan ini mempunyai hubungan yang relevan ataupun perhubungan yang boleh memberi keuntungan bersama di peringkat antarabangsa.

Apakah peraturan-peraturan ini hanya tertakluk kepada industri di dalam negara kita sahaja ataupun mempunyai perhubungan kait yang rapat dan ikhlas dari segi perhubungan perdagangan kita di peringkat antarabangsa kerana kita tahu bahawa oleh kerana kita sebuah negara yang membangun dan banyak di antara negara-negara membangun menjadi kumpulan palagiat di dalam perkara-perkara paten ini. Sebagai contoh negara-negara membangun dalam tahun akhir 1970'an, 1980'an sebagai contohnya ialah seperti Jepun umpamanya bagaimanakah dia mempalagiatkan paten-paten ini yang dilaksanakan oleh negara-negara maju seperti Amerika, Eropah dan sebagainya suatu ketika dulu. Selepas itu mereka menjadi sebuah negara yang maju.

Jadi, konsep palagiat yang dilaksanakan oleh beberapa negara membangun memberi ruang dan peluang kepada negara ini untuk menjadi sebuah negara yang maju tetapi dari sudut moralnya kita pun tidak tahu apakah kedudukan morality kita atau moral kita di peringkat perhubungan antarabangsa di dalam industri seperti ini. Jadi, dalam masa yang sama kita memperkukuhkan kedudukan paten ini untuk industri kita, untuk pembangunan dalam negara kita tetapi dalam masa yang sama ianya akan menerjah kepada satu suasana yang boleh merugikan kita dari segi jangka panjang. Apakah perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik oleh sebuah kementerian, oleh sebuah negara seperti kita ini untuk memastikan segala aturan dan peraturan ini dapat memberi perlindungan secara mutlak kepada pereka cipta yang telah diaktakan ini.

Dalam suasana ini juga kita beranggapan sebagaimana kita tahu bahawa perlindungan sebagainya huraian yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam seperti dalam seksyen 53 Akta 291, perlindungan hanya dibuat untuk dalam Malaysia sahaja. Jadi, bolehkah kementerian dapat memberi satu garis panduan kepada kita bagaimanakah dalam masa kita memperkukuhkan kualiti produk-produk kita melalui akta ini, kita dapat menjamin dari segi kos dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kementerian telah bersedia sebagai sebuah – kita membina sebuah – kerana kita tidak tahu bahawa dalam sebuah kementerian yang sebegini besar untuk menjaga dalam industri paten yang begini luas dari segi

cabarannya apakah kita bersedia melaksanakan segala-galanya. Jadi, saya cuba hendak mencadangkan pada hari ini kepada kementerian apakah kita sudah ada ataupun akan tubuh sebagai contohnya Lembaga Paten Malaysia umpamanya ataupun Lembaga Paten Negara, *whatever it is*, dengan izin, supaya kita dapat mengorientasikan organisasi ini di bawah sebuah kementerian supaya kita dapat mewujudkan sebagaimana Dato' Aziz kata tadi termasuk promosi dan orientasi reka cipta di negara kita kemudian menyediakan beberapa garis panduan yang lebih terperinci sebagai penterjemahan kepada Akta Paten ini dan ketiganya mengadakan usaha-usaha penyelidikan yang lebih sistematik dan bermakna supaya majlis atau lembaga yang dicadangkan ini akan dari segi jangka panjang akan menjadi perantara kepada penterjemahan akta ini di peringkat pelaksanaan reka cipta yang kita bincang ini.

Dalam masa yang sama, kita harap imej negara kita akan terus dapat dipertahankan tetapi perkara-perkara yang berkaitan dengan palagiat kepada perkara ini harus dilihat dalam bentuk yang sama supaya kita harus melihat dalam bentuk yang lebih luas. Jadi, sama ada kita memperkukuhkan undang-undang ini, peraturan ini boleh merugikan kita dari segi kos dan industri ataupun kita hanya menidakkan satu pembangunan produktiviti untuk negara kita. Sebagai contoh, di Thailand bukan perkara paten tetapi perkara-perkara pertumbuhan industri ini tidak mempunyai satu kawalan ketat terutamanya dalam industri kecil dan sederhana seperti, dengan izin, *cottage industry*. Tidak ada peraturan-peraturan yang begitu banyak sehingga tertumbuhnya industri-industri *cottage industry*, dengan izin, di belakang-belakang rumah, di merata-rata.

Walaupun kedudukannya tidak sistematik ianya banyak perkara-perkara yang boleh membahayakan dan tidak mengikut peraturan-peraturan biasa tetapi industri itu sendiri tumbuh dan boleh membantu usahawan-usahawan dan membangunkan industri-industri yang berkaitan. Jadi, dalam masa kita memperkukuhkan peraturan ini, apakah kita memikirkan dari segi, dengan izin, side effect pada pertumbuhan industri ini sendiri dari segi kos dan pembangunan. [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein dan Tuan Haji Noh bin Haji Omar keluar Dewan] Saya ingat Dato' hendak tanya soalan saya – laluan. Terima kasih Dato'.

Jadi, dalam hal-hal begini, saya sekali lagi meminta pemerhatian yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan supaya perkara yang kita sama-sama bincang ini bukan sahaja memberi manfaat dari segi imej dan kualiti kepada perkara-perkara yang kita bincangkan ini tetapi dalam masa yang sama kita dapat memberi satu perkembangan yang lebih sihat dalam pembangunan industri itu sendiri secara total, dengan izin. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong akta yang telah dibentangkan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Michael Chen Wing Sum]: Timbalan Menteri sila jawab.

11.43 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000, khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan akhirnya Tuan Rosli bin Mat Hassan. Pada keseluruhannya semua Ahli Yang Berhormat menerima pindaan-pindaan yang dikemukakan dengan baik, hampir semua Ahli Yang Berhormat terima pindaan-pindaan ini dengan baik dan telah pun katakan bahawa pindaan-pindaan ini adalah dikemukakan untuk kepentingan perlindungan pengguna dalam negara.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, di antara lain telah menyuarakan betapa pentingnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D serta reka cipta di negara ini. Beliau seterusnya mencadangkan supaya ditubuhkan satu agensi bagi menyelaras aktiviti-aktiviti penyelidikan, komersialisasi dan pelesenan paten. Perkara ini juga telah disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Rosli dan juga Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Cadangan ini adalah baik dan kementerian akan memberikan perhatian yang sewajarnya mengenai kesesuaian cadangan tersebut.

Pada kebiasaannya penyelarasan bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, komersialisasi dan pelesenan adalah diuruskan sendiri oleh setiap

organisasi berkenaan melalui unit ataupun bahagian khas yang ditubuhkan oleh mereka. Ada di kalangan universiti-universiti di negara ini yang mempunyai unit khas yang mengendalikan fungsi ini misalnya Universiti Teknologi MARA (UiTM) . Bahagian atau unit khas ini biasanya mampu menjalankan tugas penyelarasan tersebut dengan berkesan kerana mereka lebih maklum mengenai bidang yang perlu dibuat penyelidikan dan yang boleh memberikan faedah kepada mereka. Itu bagi sektor swasta. Sektor swasta pula biasanya mempunyai unit-unit khas mereka sendiri untuk tujuan ini.

Mengenai bayaran royalti kepada pereka cipta. Pada amnya ianya bergantung kepada perjanjian di antara pekerja atau pereka cipta dengan majikan. Ataupun di antara satu organisasi dengan pereka cipta yang ditugaskan olehnya. Walau bagaimanapun bagi kakitangan kerajaan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan satu pekeliling perkhidmatan Bilangan 5/1999 yang dikuatkuasakan daripada 1 Julai tahun lalu yang menyediakan garis panduan bagi pengurusan harta intelek yang dimiliki oleh kerajaan dan agihan kadar sugu hati yang boleh diterima oleh pegawai awam yang terlibat dalam kerja-kerja penyelidikan di mana hasil penyelidikan berkenaan telah dikomersialkan. Jadi ini adalah salah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan penyelidikan dalam perkara-perkara tertentu. Ganjaran yang dibayar adalah memuaskan oleh kerana mereka pegawai-pegawai awam boleh dibayar ganjaran atau diberi saham di mana harta intelek mereka itu dikomersialkan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng di antara lain telah membangkitkan mengenai perlunya kewujudan garis panduan mengenai masa yang sesuai untuk membuat dan mengemukakan contoh ubat-ubat generik untuk kelulusan pihak berkuasa. Pada pandangan kementerian pihak pemohon sendiri perlu mengemukakan masa yang sesuai untuk mereka membuat dan mengemukakan contoh ini. Mereka yang tahu apakah masa yang sesuai supaya apabila tamat tempoh masa paten mereka boleh komersialkan ubat-ubat generik. Pihak kerajaan melalui pindaan yang dibuat pada hari ini hanya menyediakan ruang atau peluang kepada mereka untuk berbuat demikian dan terpulanglah kepada mereka untuk mengkaji dan menilai pasaran dan nilai ekonomi produk berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan perlunya diwujudkan peraturan yang telus untuk pemberian lesen wajib atau compulsory license khususnya mengenai tempoh masa yang sesuai dan prosedur yang jelas bagaimana rundingan di antara pemohon dan pemilik paten sebelum ia boleh mohon lesen wajib. Kementerian saya akan memberi perhatian terhadap perkara ini dan jika didapati perlu peraturan mengenainya akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah membangkitkan isu yang menarik mengenai aspek paten di mana beliau mengatakan bahawa paten adalah lesen untuk orang cerdik pandai yang mempunyai unsur-unsur monopoli. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz ini pada prinsipnya ada kebenarannya. Tetapi pada hakikatnya paten memanglah bertujuan untuk memberi perlindungan kepada sesuatu reka cipta kerana ia adalah merupakan harta kepada pemilik reka cipta berkenaan. Konsep perlindungan adalah penting untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan bagi mewujudkan teknologi baru dan seterusnya menggalakkan pelaburan dan perdagangan. Tidak boleh dinafikan bahawa negara-negara membangun mempunyai advantage oleh kerana mereka telah menjalankan penyelidikan dan mempunyai teknologi baru ataupun reka cipta yang telah dipatenkan yang telah pun dikomersialkan atau akan dikomersialkan pada masa yang akan datang. Tetapi kalau kita tiada memberi perlindungan mungkin tidak ramai orang atau tidak akan ada orang yang akan menjalankan penyelidikan bukan sahaja di negara sedang membangun ataupun di negara-negara yang membangun kerana penyelidikan akan menyebabkan kos yang tinggi dan tidak ada jaminan terhadap perlindungan ciptaan yang akan dihasilkannya.

Pada hakikatnya perlindungan paten ini memberi faedah kepada semua negara sama ada negara membangun ataupun sedang membangun. Penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan oleh negara-negara membangun walaupun mereka meraihkan faedah yang besar dari segi keuntungan tetapi hasilnya dapat dipasarkan di negara-negara sedang membangun dan juga negara-negara yang membangun. Sungguhpun pada masa ini kita dapati ianya banyak memberi faedah kepada negara-negara yang membangun tetapi dengan wujudnya perlindungan ini di negara kita

negara sedang membangun juga boleh mendapat faedah daripada pelaburan negara-negara maju. Kalau kita tidak ada perlindungan negara-negara maju tidak akan membuat pelaburan dalam negara kita dan kita juga dapat mempelajari teknologi yang dilaburkan oleh mereka iaitu dari negara-negara membangun.

Mengenai impak produk yang dipatenkan terhadap kesihatan awam ia sepatutnya boleh dikawal oleh pihak-pihak yang berkenaan sebelum sesuatu produk itu boleh dipasarkan. Ini adalah kerana paten hanya memberi perlindungan kepada sesuatu reka cipta, soal keselamatan produk apabila dieksplotasikan adalah tertakluk kepada pihak-pihak yang berkenaan contohnya undang-undang yang sedia ada dalam sesuatu negara umpamanya dalam Kementerian Kesihatan bagi produk-produk ubatan termasuk apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz human genome atau penyelidikan yang telah dijalankan tentang gene, satu kajian keseluruhan yang boleh membawa apa-apa kebaikan dari segi ubat-ubatan dan juga kesakitan yang dialami oleh golongan manusia dalam dunia ini.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman juga ada membangkitkan isu negara-negara maju yang dikatakan mengambil kesempatan terhadap sumber-sumber asli negara-negara sedang membangun. Isu ini sebenarnya tidak ada kaitan secara langsung dengan perlindungan paten. Pada pandangan kementerian saya negara-negara sedang membangun boleh mengambil tindakan tertentu bagi menghalang sumber-sumber asli mereka dari dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan misalnya dengan mengadakan undang-undang khas yang melarang aktiviti-aktiviti penyelidikan tanpa kebenaran pihak berkuasa. Isu mengenai bio-diversity ini pun telah diberi perhatian di peringkat antarabangsa dan Malaysia juga sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memberi perlindungan terhadap perkara ini.

Mengenai isu beras Basmathi, Amerika Syarikat telah menuntut yang beras tersebut adalah merupakan satu variety baru yang dihasilkan oleh mereka. Mereka telah menjalankan penyelidikan dan menghasilkan satu variety baru. Mengikut konsep paten hanya benda-benda baru yang dihasilkan melalui peringkat-peringkat penyelidikan tertentu sahaja boleh dipatenkan. Sumber-sumber asli tidak boleh dipatenkan. Kementerian saya difahamkan bahawa kerajaan India telah kemukakan

perkara ini kepada pihak berkenaan di Amerika Syarikat untuk membatalkan paten tersebut dan perkara ini adalah saya difahamkan masih dalam pertimbangan dengan badan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga telah mencadangkan supaya perbelanjaan kerajaan yang banyak seperti saya katakan tadi apabila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk menjalankan penyelidikan di bawah intensification of research in priority areas atau bidang-bidang keutamaan. Peruntukan RM400 juta ini telah ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada RM600 juta dan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh RM935 juta. Semua ini menunjukkan bahawa kerajaan serius untuk menjalankan penyelidikan dalam negara dan menentukan bahawa kita juga berhasil dengan innovation-innovation melalui geran-geran yang diberi termasuk juga industrial grant scheme, multimedia grant scheme, demonstrator application grant scheme. Semua ini adalah langkah-langkah pihak kerajaan.

Mengenai tempoh paten yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz supaya tempoh masa paten dikurangkan. Sebenarnya tempoh masa ini adalah satu tempoh masa yang diseragamkan bagi semua negara-negara yang dianggotai oleh WTO iaitu selama 20 tahun. Jadi kita tidak ada cadangan untuk mengurangkan tempoh paten. Tetapi dari satu sudut lagi iaitu mengenai reka cipta yang kurang perbelanjaannya diberi perlindungan yang sama mungkin ada kemungkinan kementerian akan meneliti perkara ini dan kemukakan cadangan di peringkat antarabangsa supaya bagi reka cipta yang kurang perbelanjaan dari segi belanja kos dan juga masa mungkin kita akan cadangkan pendekkan tempoh perlindungan yang diberi kepada paten.

Saya juga ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan banyak pandangan khususnya tentang cadangan-cadangan untuk pihak kerajaan teruskan kerjasama dengan negara-negara atau agensi-agensi di negara-negara yang membangun dan memperbanyakkan penyelidikan-penyelidikan dalam negara termasuk juga mengambil tindakan-tindakan supaya saintis-saintis kita yang terdapat di negara-negara luar dibawa balik untuk meningkatkan taraf

penyelidikan di dalam negara kita. Perkara-perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara ini adalah dalam pertimbangan kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Kalau ada perkara-perkara yang saya tidak dapat dengan sempurna saya meyakinkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa perkara itu diambil perhatian oleh kementerian dan pegawai-pegawai kementerian yang hadir dalam Dewan yang mulia ini pada semalam dan hari ini. Maka tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan dapat juga diambil. Dengan penjelasan dan juga jawapan sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam pindaan yang dikemukakan oleh kementerian. Sekian

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13(2)– Pindaan:

Dato' S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang dipinda dalam subfasal 13(2) dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan dengan perkataan “peruntukan” dengan perkataan “seksyen”. Ini adalah untuk memperbetulkan kesilapan taip.

Tuan Pengerusi [Dato' Michael Chen Wing Sum]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Subfasal 13(2) Rang Undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan “peruntukan” dengan menggantikan perkataan “seksyen”.

Fasal 13(2) sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.03 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Shafie bin Haji Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Akta Bank Luar Pesisir 1990 atau ABLP mula berkuat kuasa pada 30 Ogos 1990. Ia mengandungi peruntukan undang-undang yang menyeluruh bagi pelesenan, pengawalan dan pengawal seliaan bank-bank luar pesisir di Labuan. Semenjak ABLP berkuat kuasa ia telah dipinda untuk pertama kalinya dalam tahun 1997. Sebagaimana undang-undang lain, ABLP juga perlu dipinda dari masa ke semasa bagi memastikan ABLP adalah suatu undang-undang yang dinamik dan mengikuti perkembangan semasa. Terdapat berbagai-bagai perkembangan dalam aktiviti kewangan antarabangsa masa kini. Antara perkembangan yang perlu diberi perhatian khusus melibatkan minat serius yang ditunjukkan oleh institusi bukan bank dalam aktiviti pemajakan dan pempfaktoran.

Pada masa ini institusi-institusi bukan bank hanya boleh menjalankan aktiviti tersebut sekiranya ia mendapatkan lesen perbankan luar pesisir atau mendapat pengecualian menteri daripada keperluan untuk mendapatkan lesen perbankan luar pesisir. Definisi perniagaan perbankan luar pesisir yang sedia ada meliputi kesemua

aktiviti kewangan luar pesisir. Oleh yang demikian mana-mana individu atau institusi yang ingin menjalankan aktiviti tersebut perlu memperolehi lesen perbankan luar pesisir walaupun definisi ini menguntungkan bank luar pesisir kerana ia memberi ruang yang luas untuk berurus niaga namun ianya menjadi masalah kepada mana-mana institusi-institusi bukan bank yang ingin menjalankan aktiviti tersebut.

Dalam sistem kewangan domestik, aktiviti-aktiviti seperti pemajakan dan pemfaktoran tidak diklasifikasikan sebagai aktiviti perbankan dan boleh dijalankan oleh mana-mana institusi bukan bank dan dikenali sebagai institusi terjadual. Institusi terjadual tidak perlu untuk dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan hanya perlu mendaftar perniagaan mereka dengan Bank Negara Malaysia. ABLP juga perlu dipinda setelah mengambil kira perkembangan pesat industri kewangan antarabangsa berasaskan teknologi maklumat. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan industri kewangan menawarkan kemudahan perkhidmatan berasaskan pemindahan wang secara elektronik. Keadaan ini akan meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan perbankan luar pesisir dan secara tidak langsung meningkatkan imej Labuan itu sendiri.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) berpendapat bahawa beberapa pindaan perlu dibuat terhadap ABLP yang memperluaskan skop perniagaan kewangan luar pesisir tanpa menjejaskan aktiviti perbankan yang sedia ada. Secara ringkasnya pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk;

- (i) memastikan peruntukan-peruntukan ABLP seiring dengan pembangunan sistem kewangan tempatan dan global serta sejajar dengan peranan LOBSA sebagai sebuah agensi kawal selia sehentian luar pesisir.
- (ii) mengembangkan skop perniagaan kewangan luar pesisir selaras dengan permintaan global; dan
- (iii) membolehkan industri kewangan menawarkan kemudahan perkhidmatan berasaskan pembinaan wang secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut;

- (i) Fasal 1 memperuntukkan bagi tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa Akta Pindaan;
- (ii) Fasal 2 memperuntukkan bagi pindaan kepada tajuk panjang untuk memperluaskan skop Akta 443 kepada orang yang terlibat dalam perniagaan kewangan luar pesisir;
- (iii) Fasal 3 bertujuan meminda definisi perniagaan perbankan luar pesisir, memperkenalkan definisi baru, pemindahan wang secara elektronik, terminal elektronik, perniagaan kewangan luar pesisir dan institusi berdaftar;
- (iv) Fasal 4 merupakan satu bahagian baru yang memperuntukkan bagi pendaftaran mana-mana orang yang menjalankan perniagaan kewangan luar pesisir. Bahagian ini terdiri daripada enam seksyen berikut;
 - (a) Seksyen 23A memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang ingin menjalankan perniagaan luar pesisir perlu didaftarkan;
 - (b) Seksyen 23B memperuntukkan bagi pendaftaran perniagaan kewangan luar pesisir;
 - (c) Seksyen 23C merupakan suatu peruntukan yang memberi kuasa sama ada untuk meluluskan atau menolak permohonan bagi pendaftaran perniagaan kewangan luar pesisir;
 - (d) Seksyen 23D merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada bank untuk mengawal selia perniagaan kewangan luar pesisir sekiranya bank menyifatkan sebagai perlu;

- (e) Seksyen 23E merupakan peruntukan bagi pembayaran *fee* tahunan perniagaan luar pesisir; dan
 - (f) Seksyen 23F merupakan satu peruntukan yang memberi kuasa kepada bank untuk membatalkan pendaftar perniagaan kewangan luar pesisir.
- (v) Fasal 5 bertujuan untuk memperkenalkan Seksyen 23G bagi pengawal selia mana-mana individu yang mengendalikan sistem pemindahan wang secara elektronik.
 - (vi) Fasal 6 merupakan pindaan kepada Seksyen 24 ABLP untuk menjelaskan bahawa sesiapa yang menjalankan perniagaan kewangan luar pesisir tanpa didaftarkan dengan LOFSA adalah melakukan satu kesalahan yang boleh dipenjara bagi tempoh tidak melebihi 5 tahun atau denda tidak melebihi RM10 juta atau kedua-duanya sekali.
 - (vii) Fasal 7 merupakan pindaan terhadap Seksyen 28 ABLP bertujuan untuk menjelaskan bahawa Akta Syarikat Luar Pesisir juga terpakai kepada institusi berdaftar.
 - (viii) Fasal 8 bertujuan untuk membina Seksyen 30 ABLP bagi menjelaskan bahawa Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 adalah tidak terpakai kepada mana-mana bank luar pesisir yang berlesen dan institusi berdaftar; dan
 - (ix) Fasal 9 merupakan satu peruntukan bagi mengadakan tempoh peralihan bagi pendaftaran mana-mana orang yang telah menjalankan perniagaan kewangan pesisir sebelum pindaan ini berkuat kuasa.

Secara amnya pindaan-pindaan yang dicadangkan bertujuan mengembangkan skop aktiviti kewangan luar pesisir selaras dengan perkembangan semasa di samping membolehkan peserta luar pesisir melancarkan sebarang produk baru berlandaskan

pemindahan wang secara elektronik. Pindaan yang dicadangkan juga akan mempertingkatkan daya saing Labuan sebagai Pusat Kawalan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang ulung di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

[**Tuan Chia Kwang Chye**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

12.10 tgh

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana amat peka dengan apa yang berlaku di dunia perniagaan dan perdagangan dan Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan) 2000 ini mencerminkan kepekaan itu terutama sekali dari segi penjualan dan perdagangan secara elektronik, pemindahan wang dan sebagainya kerana Tuan Yang di-Pertua kita dapati dalam dunia globalisasi ini mata wang merupakan satu komoditi. Ianya seperti kelapa sawit, minyak sawit. Kalau dahulunya bijih ataupun getah ataupun minyak Petronas dan sebagainya merupakan satu komoditi yang didagangkan. Kalau dahulunya kita lihat bagaimana perdagangan mata wang ini juga boleh menjejaskan negara-negara, Malaysia terutamanya, misalnya terperangkap di dalam perdagangan mata wang di peringkat antarabangsa di mana spekulator-spekulator seperti Soros menggunakan kuasa dominan dari segi mata wangnya, dari segi kapitalnya untuk meranapkan nilai mata wang Thailand, Indonesia, Malaysia, Korea. Mujurlah kita diberi manfaat dengan kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir dengan mewujudkan kawalan mata wang terpilih dan kita terselamat.

Jadi bank luar pesisir ini saya hendak tahu bagaimana kawalan yang akan dibuat oleh pihak Bank Negara Malaysia ataupun badan-badan lain seperti yang saya sebut LOFSA dan sebagainya untuk menentukan Labuan tidak menjadi *conduit*,

saluran kepada kegiatan-kegiatan spekulator. Lebih-lebih lagi perdagangan e-dagang, digunakan di mana wang boleh dipindah dari satu tempat ke satu tempat dengan sekelip mata. Petik sahaja sudah tukar, bukan seringggit, dua ringgit, berbilion, bilion orang boleh tukar. Jadi siapa yang boleh mengawasi elektronik ini. Elektronik mana pula yang boleh menguasai elektronik ini, kita hendak tahu kerana ini sudah keluar daripada kemampuan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini penting kerana apa yang disarankan oleh Perdana Menteri kita masih belum dijawab oleh institusi kewangan antarabangsa. Apabila kita memerlukan struktur atau pun arkitek, iaitu *international financial architecture* iaitu kerangka kewangan antarabangsa untuk memastikan orang macam Soros dan spekulator-spekulator yang lain tidak boleh membuat sewenang-wenangnya untuk meranapkan negara-negara. Sampai sekarang belum wujud lagi *architecture financial system* ini digubal.

Saya tidak tahu apabila diwujudkan G20 oleh Dana Kewangan Antarabangsa di Washington setahun lepas bersama dengan Bank Dunia, Malaysia tidak termasuk sebagai ahli walau Perdana Menteri kita yang mengusulkan ini, yang dicemuh oleh orang macam Soros, orang macam spekulator-spekulator, dia mencemuh pendapat Perdana Menteri kita macam mana hendak kawal. Orang itu pun sekarang Soros bersetuju dengan pewujudan kawalan kerana dia kata liberalisasi dari segi perniagaan mata wang pun dia sudah rugi teruk, dia bersetuju dengan Perdana Menteri kita.

Jadi, soalnya sekarang kalau tidak wujud *architecture international financial system* ini bagaimana pasaran wang dunia menerusi e-dagang ini, pemindahan menerusi elektronik dapat dikawal dengan mudah supaya ianya tidak menjejaskan negara-negara di mana KDNK dia kenit, kecil sangat kalau dibandingkan dengan kuasa kewangan orang macam Soros. Bila dia rugi dia menyelamatkan tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di dalam Dewan ini Long Term Credit Management (LTCM) syarikat dia rugi. Kapital dia 4.5 bilion tetapi menggunakan duit bank-bank lain sampai 200 bilion ranap rugi. Kerajaan Amerika bergegas membantu LTCM. Ini double standard, bila kita buat macam itu dia kata kita 'kroni'. Bila kita ada Danaharta, Danamodal dan sebagainya dia kata kita kroni.

Jadi, saya bimbang, saya tidak mahu liberalisasi eperdagangan yang akan wujud di Bank Luar Pesisir di Labuan ini nanti digunakan sebagai *conduit* orang semacam ini orang yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi sekatan-sekatan *check and balance* mesti wujud bukan sahaja oleh LOFSA tetapi apa lagi jenis cara. Pasal dia orang ini pandai, Tuan Yang di-Pertua, cerdik, kita ada e-dagang, dia ada cara dia hendak buat. *Hercules* wujud dalam dunia ini macam dahulu bab 'pepijat cinta' dia sudah merugikan berbilion dari segi perniagaan dunia untuk membaik pulih, ini 'pepijat cinta' dan orang yang membuatnya bukannya orang di Amerika, di Filipina.

Dua tiga budak-budak muda umur 23-24 tahun boleh membuat perkara semacam ini. e-dagang kita nanti, kita tukar duit, kita hantar duit melalui e-dagang, besok entah bank mana perginya, kita tidak tahu, kalau ada *Hercules* macam ini. Jadi kita hendakkan *intelligent*, kita hendakkan penyelidik-penyelidik khas bagi menentukan terkawal kegiatan-kegiatan e-dagang yang kita berikan kemudahan kepada bank di luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan apabila kita membuatkan liberalisasi semacam ini kita takut Labuan dijadikan tempat untuk *recycling or money laundering*, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, Ini duit-duit yang daripada pendapatan-pendapatan, duit yang banyak daripada penjualan dadah misalnya, perjudian haram, dia tidak boleh masuk sistem perbankan di sini kerana ada cukai-cukai, dia entah macam mana mengalir keluar dan kita tidak mahu seolah-olah bank luar pesisir dijadikan pusat untuk *recycle* duit-duit gelap ini, *black money* dan menjadikan ia seperti juga di kepulauan-kepulauan di Carribean di mana sekarang saya diberitahu, Tuan Yang di-Pertua, satu badan yang diberi nama Gerakan Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force), sedang memerangi *money laundering* ini dan dia mengenal pasti daripada 43 buah negara yang dijadualkan termasuk 16 buah negara di Carribean.

Saya tidak tahu sama ada Labuan termasuk di dalam senarai ini dan mereka juga sekarang ini mewujudkan *The Financial Stability Forum* sekumpulan penyelia antarabangsa semata-mata mengawasi kegiatan-kegiatan *money laundering* di kepulauan-kepulauan Carribean seperti St. Kiss, St. Navis, St. Vincent dan di Pasifik pun begitu juga dia check juga ni, seperti di Nauru, di Marshall Island, Panama,

Launceston, banyak tempat. Saya pun tidak pernah - Cayman Island, British Virgin Island, 43 buah negara dan sekarang ini tengah diteropong oleh dua badan ini Gerakan Tindakan Kewangan (*Financial Action Task Force*) dan juga *Financial Stability Forum* untuk menentukan supaya tidak wujud kerana, Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat bank ataupun industri kewangan luar pesisir ini telah pun menghakiskan dekat 50 bilion duit daripada negara-negara kurang maju. Disalur ke sana untuk *direcycle*, adakah ianya menerusi korupsikah, apa sahaja ataupun dadah, duit-duit ini terkeluar daripada sistem kewangan negara-negara kurang maju dianggarkan sampai 50 bilion untuk *direcycle*kan, diputar, dipusing-pusingkan di pusat-pusat luar pesisir ini.

Jadi, saya mengharapkan supaya bank luar pesisir ini tidak dijadikan pusat untuk sedemikian rupa kerana mengikut salah seorang yang berpendapat - orang yang berpendapat yang saya hendak sebutkan ini ialah orang yang kita buat usul tidak percaya, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri membuat usul tidak percaya kepada Michel Camdessus iaitu bekas Pengarah Urusan Dana Kewangan Antarabangsa. Dia pun berkata "*Offshore centre, (Pusat Bank Luar Pesisir ini) has come to the stage of distorting the financial system on the threatening scales*", apa yang berlaku di pusat-pusat pesisirnya telah pun sampai ke tahap yang merbahaya kepada sistem kewangan antarabangsa.

Sebab itulah wujud *Financial Action Task Force* dengan *Financial Stability Forum* terutama *Financial Action Task Force* yang baru ini. Mengawasi selepas itu Amerika, dia dasarnya menyekat, menyenaraikan supaya perdagangan-perdagangan kewangan ke tempat-tempat ini diawasi oleh negara-negara daripada mana wang itu mengalir. Macam Amerika Syarikat dia sudah beritahu sesiapa mengalirkan kewangannya ke pusat-pusat ini akan diawasi, dikawali dan tindakan akan diambil, ini kita takut nanti Labuan terlingkung dalam jadual luar pesisir-luar pesisir yang dianggap blacklisted, disenaraikanhitamkan, itu kita tidak mahu.

Jadi, berwaspadalah, pengendalian bank luar pesisir terutama yang ditanggungjawab kepada LOFSA untuk menentukan ianya bersih daripada kegiatan-kegiatan gelap yang boleh mencemarkan usaha kita untuk menjadikan Labuan terutamanya sebagai pusat perdagangan industri kewangan yang kedua selain

daripada pusat kewangan yang dipebpori oleh Bank Negara Malaysia di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak, Labuan merupakan satu lagi pusat yang boleh mengendalikan perdagangan kewangan secara global tanpa sekatan-sekatan ketat tetapi pendaftaran nama-nama ini saya bimbanglah ada orang hendak buat secara *nominee*, saya tidak tahu bagaimana orang boleh memberikan nama-nama dia untuk disenaraikan, untuk dijadikan pedagang-pedagang di peringkat bank luar pesisir mengikut undang-undang yang baru ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, penyeliaan dan pengawasan amat perlu dibuat terutama sekali dari segi e-dagang ataupun pemindahan wang menerusi elektronik ini dan juga sistem-sistem yang wujud mempunyai *check and balance* yang ketat supaya tidak tercemar Labuan sebagai pusat luar pesisir yang dinodai oleh kegiatan-kegiatan hitam. Saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng.

12.25 tgh.

Dato' Dr Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang ABLP ini dan saya akan tumpukan perhatian saya kepada bahagian baru iaitu seksyen baru 23G di mana ada dicadangkan bahawa pengendalian wang melalui sistem pemindahan wang secara elektronik itu boleh digunakan.

Ini adalah satu perkembangan yang baik dari segi IT dan harus dialu-alukan. Tetapi apa yang mungkin mengkhuatiri saya adalah tentang sistem kawalan. Apabila ini telah dipersetujui dan ini telah diperkenalkan sama ada dari segi kawalan Bank Negara Malaysia ini ada bahagian-bahagian yang sesuai atau ada kakitangan-kakitangan yang sesuai untuk mengawasi perkara ini supaya tidak menimbulkan sebarang masalah. Oleh kerana sesuatu sistem elektronik itu boleh dijalankan begitu cepat, begitu pantas dan kalau satu kawalan itu tidak baik maka apa yang terjadi mungkin kita pun tidak tahu dan berbilion-bilion wang itu boleh dipindahkan dalam masa satu saat atau kurang daripada satu saat sahaja.

Oleh kerana itu sungguh pun saya mengalu-alukan peruntukan ini, saya ingin pihak yang berkuasa menentukan bahawa ada satu mekanisme yang cukup matang, yang cukup berkebolehan untuk mengawasi perkara ini supaya ia tidak

mendatangkan masalah kepada negara kita. Sungguhpun ada peruntukan di bawah seksyen 24 subseksyen (2) itu mengenakan denda dan sebagainya dan tadi ada disebutkan bahawa maksimum adalah RM10 juta, sama ada ini boleh mengatasi masalah sekiranya ada sebarang penyelewengan yang berlaku dalam sistem pemindahan wang secara elektronik ini.

Saya juga ingin tumpukan perbahasan saya kepada subseksyen (6) di mana lesen yang telah dikeluarkan itu boleh dibatalkan, boleh digantung atau boleh dipindahkan selepas satu peluang untuk pihak yang mempunyai lesen itu membuat representasi. Sungguhpun ini adalah satu cara yang elus apabila kita hendak mengambil tindakan terhadap pihak-pihak ini sama ada untuk membatalkan lesen, menggantung lesen atau menambahkan syarat-syarat ini, sungguh pun kita ada memberikan mereka satu peluang untuk membuat representasi tetapi saya lihat tidak ada ruang untuk rayuan. Tidak ada disebutkan di sini selepas representasi itu telah dibuat kepada pihak Bank Negara Malaysia ini, sekiranya pihak-pihak ini masih tidak puas hati maka tidak ada peruntukan bagi rayuan kepada pihak lain.

Oleh kerana satu keputusan sedemikian akan melibatkan imej dan kepentingan negara, bagi saya adalah lebih meyakinkan kalau kita juga ada satu peruntukan untuk membuat rayuan sekiranya ada pihak-pihak yang tidak puas hati dengan sesuatu keputusan sama ada untuk membatalkan, menggantung lesen ataupun menambahkan syarat-syarat kepada lesen berkenaan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang peruntukan peralihan. Ada disebutkan di sini bahawa pihak-pihak ini akan diberi tempoh selama enam bulan dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa atau apa-apa tempoh lanjutan untuk mereka mematuhi kehendak-kehendak Akta ini. Saya ingin tahu sama ada masa yang disebutkan itu iaitu enam bulan adalah sesuai atau tidak, kerana saya memandangkan enam bulan itu adalah satu masa yang begitu panjang dan dalam masa yang berkenaan kalau pihak-pihak ini ingin membuat permohonan sama ada dari segi penyemakan permohonan itu, sama ada dari segi mendapatkan semua dokumentasi dan sebagainya, ini memerlukan satu masa yang begitu panjang iaitu enam bulan.

Saya ingin tahu sama ada peruntukan peralihan ini boleh dikurangkan supaya apabila ini diluluskan sahaja ia boleh dilaksanakan dengan serta merta iaitu pihak-

pihak berkenaan boleh diminta membuat permohonan dan kemudian satu keputusan boleh dibuat. Oleh kerana pemindahan wang secara elektronik ini sudah menjadi satu perkara yang begitu biasa di banyak tempat, saya minta sama ada tempoh yang dicadangkan untuk peralihan ini sesuai atau tidak.

Dengan pandangan-pandangan demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan kepada ABLB ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

12.32 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kedua Ahli Dewan yang telah pun berbahas mengenai rang undang-undang ini. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman yang mengatakan sekarang ini apabila wang menjadi komoditi. Kalau kita lihat zaman dahulu wang merupakan beli komoditi iaitu kita beli garam, kita beli gula, kita beli minyak sawit dengan wang. Tetapi apabila wang membeli wang, jadi ini perkara-perkara spekulasi dan perkara-perkara money laundering dan perkara-perkara yang tidak baik itu berlaku.

Jadi, dengan sebab itulah seperti mana yang dikatakan Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan seperti mana yang saya katakan semalam bahawa masalah spekulasi ini telah pun menjejaskan bukan sahaja kewangan antarabangsa tetapi juga Soros, pemain yang besar mengenai spekulasi mata wang ini. Dan perbalahan di antara fahaman yang sedang berlaku sekarang ini di peringkat antarabangsa ialah kita dari Malaysia ingin kalau boleh apa yang dikatakan tadi dikawal International Fund Selector ini, dapat mengawal aliran-aliran spekulatif seperti ini, tetapi pihak-pihak antarabangsa tidak mahu menggunakan perka taan 'kawalan' tetapi ingin menggunakan perkataan 'memantau'. Jadi, supervision, bukannya kawalan (control).

Jadi, di sinilah perbalahan berlaku kerana ini merupakan banyak lagi konsep di belakangnya yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun, apa yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi mengenai financial action taskforce dan financial stability forum ini cuma dapat memantau masalah-masalah yang diperkatakan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dato' Abdul Aziz yang telah mengatakan bahawa kita juga sealiran dengan IOFC yang lain kerana kita telah pun menubuhkan gerbang laluan ataupun e-dagang. Seperti mana juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi. Apa yang berlaku sekarang ini seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa teknologi Internet membolehkan maklumat diperolehi dari mana-mana sahaja dan ini dianggarkan 250 juta pengguna dapat mengunjungi Internet. Angka ini dijangka akan bertambah dua kali ganda menjelang tahun 2002. Menurut *The 2000 Global CEO Survey* yang dilakukan oleh Press Water Coopers, 68% daripada ketua pegawai eksekutif di Amerika Utara dan Asia meramalkan persaingan akan dijana oleh Internet.

Sebagai agensi pengawal selia industri kewangan luar pesisir di Labuan (LOFSA) amat peka terhadap potensi yang Internet boleh tawarkan kepada e-dagang dan peluang-peluang promosi dan pemasaran. Sebagai contoh, produk kewangan seperti perbankan dan insurans tidak memerlukan penghantaran fizikal dan justeru itu Internet merupakan saluran penghantaran yang sangat sesuai untuk transaksi seperti ini. Memandangkan teknologi sokongan dan pasaran tersedia murah dan sudah teruji. Sehubungan dengan itu, LOFSA telah memulakan projek e-dagang di Labuan IOFC untuk peserta-peserta luar pesisir menjangkau pasaran global tanpa sempadan ini.

Mengenai risiko dan cabaran e-dagang di Labuan di antara isu-isu yang dikenal pasti seperti mana yang dikatakan oleh kedua-dua Yang Berhormat tadi, dengan pelaksanaan ECG ini ialah rangka perundangan dan pengawalan transaksi melalui Internet, keselamatan dan kerahsiaan maklumat, percukaian, akses terhadap Internet, akses pasaran untuk membekal melalui Internet, kemudahan perdagangan, perolehan awam, persoalan harta interlek dan pengawalan isi kandungan. Ini semua masalah dan isu yang dibangkitkan hasil daripada sekuriti yang dikatakan tadi.

Isu-isu ini akan ditangani sebelum pelaksanaan ECG ini iaitu gerbang Internet kita. LOFSA juga perlu memastikan pelaksanaan pelantar maya ini tidak memberi ruang kepada pelanggaran peraturan dan undang-undang yang sedia ada dan menggalakkan aktiviti-aktiviti pelaburan wang haram. Apabila disentuh mengenai money laundry, ataupun pelaburan wang haram ini, ingin saya mengatakan di sini bahawa secara umumnya semua akta yang berkaitan dengan peserta-peserta luar

peisir di Labuan mempunyai peruntukan untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram di luar Labuan. Sebagai contohnya, bank-bank luar peisir di Labuan tidak boleh menerima wang tunai untuk dimasukkan ke dalam akaun bank-bank. Segala urusan dilakukan melalui telegraphic transfer dan ini dapat mengelakkan percubaan membersihkan duti-duti hasil aktiviti jenayah daripada dilakukan dengan sewenang-wenangnya.

Bank-bank luar peisir Labuan telah diwajibkan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan *Best of Committee on Bank Regulation and Supervisory Practices*, dengan izin, yang berkaitan dengan *prevention of criminal use of the banking system for the purpose of money laundry*, dengan izin, dan *statement of principal*. Di antara keperluan utama di dalam peruntukan tersebut ialah bank luar peisir dikehendaki untuk berjaga-jaga atau bersifat vigilant di dalam operasi mereka. Mereka dikehendaki untuk mengenal pasti latar belakang pelanggan atau *know your customer* apabila pelanggan membuka akaun di bank yang berkenaan.

Seterusnya, sesebuah syarikat luar peisir di Labuan adalah dilarang untuk menerbitkan saham pembawa ataupun bare share untuk mengelakkan pertukaran wang-wang haram ke dalam bentuk saham-saham. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir 1996 juga telah dipinda untuk membolehkan LOFSA untuk meminta maklumat daripada institusi kewangan luar peisir di Labuan sekiranya didapati sesebuah institusi kewangan luar peisir itu melakukan sesuatu transaksi yang meragukan. Malaysia juga telah menganggotai Asia Pacific Group on Money Laundry (APG) yang bertujuan untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram. Wakil daripada LOFSA turut menghadiri mesyuarat kumpulan ini di Bangkok dan di Sydney yang membincangkan cara-cara untuk menangani kegiatan pelaburan wang haram tersebut.

Kesimpulannya, LOFSA adalah bersungguh-sungguh untuk memastikan Labuan adalah bebas daripada dilabelkan sebagai sebuah pusat kewangan luar peisir yang menjadi tumpuan untuk kegiatan wang haram.

Yang Berhormat sekalian, kita tahu bahawa masalah-masalah ini masih diperkatakan lagi dan Labuan merupakan satu pusat LOFSA yang sederhana dan tidak ada apa yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi di 'black mark' menjadi wang

haram tadi. Saya terpancang muka Yang Berhormat Dato' Ghazi teringatkan apa yang dikatakannya mengenai kecemerlangan kewangan di pesisiran kita, di LOFSA dan kita hendak maklumkan bahawa kewangan kita terutamanya mengenai kewangan Islam yang kita jayakan itu telah pun mendapat sambutan dan kita tahu bahawa berjuta-juta ringgit ataupun US Dollar kepunyaan orang-orang Islam tidak dapat digunakan kerana tidak ada mekanisme dan insya-Allah, dengan ada mekanisme yang kita buat di LOFSA nanti banyak wang Arab, wang orang Islam akan mengalir ke Labuan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyatakan adakah peruntukan akta yang tidak memberi peluang untuk membuat bagi kes-kes yang dikatakan enam bulan dan sebagainya tadi. Jadi, apa yang kita harapkan bahawa pembatalan lesen tidak ada peluang rayuan yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. tadi bahawa rayuan-rayuan seterusnya bolehlah dibuat di mahkamah dan peruntukan perselisihan masa enam bulan sama ada sesuai atau tidak atau telah terlalu lama, ianya adalah sesuai kerana beberapa urusan dokumentasi perlu dibuat dan ianya melibatkan peniaga-peniaga antarabangsa.

Selain daripada itu, kita harapkan bahawa perkara-perkara ini akan kita dapat pantau dari masa ke semasa supaya dapat kita melihat bahawa rang undang-undang yang hendak kita luluskan ini dapat memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk mencemerlangkan LOFSA kita di Labuan.

Satu lagi yang menarik perhatian kita buat masa ini ialah cadangan Brunei untuk mengadakan pusat kewangan luar pesisirnya sendiri dan kita mengalu-alukannya. Pada kita itu bukan merupakan competition tetapi merupakan complimentary kepada kita. Kita harapkan bahawa penubuhan bursa kewangan antarabangsa Labuan dan juga kalau terjadi di Brunei akan dapat sama-sama bersaing dengan cara lebih kompetitif supaya dapat kita memikat hati para pelabur luar negara melalui penubuhan pasaran kewangan Islam antarabangsa yang saya sebutkan tadi berdasarkan konsep persepakatan bestari (smart partnership) di antara LOFSA dan Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Agensi Kewangan Bahrain (BMA).

Tuan Yang di-Pertua, sekian ulasan saya, jawapan saya kepada perbahasan yang telah dibincangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT LUAR PESISIR (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

12.45 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 atau ASLP mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1990. Ia mengandungi peruntukan undang-undang yang komprehensif bagi penubuhan, pendaftaran dan pengawalseliaan syarikat luar pesisir di Labuan. Kali terakhir ASLP dipinda ialah pada tahun 1998 dan peruntukan ASLP perlu dipinda dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukan tidak ketinggalan zaman serta sejajar dengan perkembangan terkini dalam sektor korporat. Dalam usaha untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang berdaya saing dan terulung, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) selaku agensi kawal selia Sehentian Labuan IOFC telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan satu sistem yang membolehkan dokumen-dokumen syarikat luar pesisir difailkan secara elektronik.

Segala infrastruktur yang berkaitan dengan sistem tersebut telah pun tersedia dan sistem pemfailan dokumen secara elektronik ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja. Namun demikian, sistem tersebut tidak dapat dilaksanakan pada masa ini kerana peruntukan ASLP tidak membenarkan pemfailan dokumen dilakukan secara elektronik. Akta Syarikat 1965 yang terpakai pada syarikat domestik telah dipinda pada tahun 1998 bagi membolehkan syarikat-syarikat domestik memfailkan dokumen-dokumen syarikat dengan Pendaftar Syarikat secara elektronik. Justeru itu, adalah tepat pada masanya bagi LOFSA mengambil langkah yang sama untuk meminda ASLP dan melaksanakan sistem pemfailan dokumen secara elektronik.

Pindaan segera perlu dibuat kepada ASLP agar Labuan IOFC maju menurut arus perkembangan semasa. Pindaan ini juga akan meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran syarikat luar pesisir. Secara ringkasnya, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah bertajuk berikut:

- (i) memastikan peruntukan ASLP tidak ketinggalan zaman dan sejajar dengan perkembangan semasa dan aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan kerajaan elektronik;
- (ii) memperkemaskan dan menyelaraskan prosedur pemfailan dokumen oleh syarikat luar pesisir dengan membenarkan pemfailan dilakukan secara elektronik; dan
- (iii) memudahkan urusan penubuhan syarikat luar pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan penting yang terkandung dalam rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 1 – bertujuan memperuntukkan satu tajuk ringkas dan tarikh mula berkuat kuasa akta pindaan.

Fasal 2 – bertujuan untuk meminda akta ibu iaitu dengan memasukkan peruntukan baru, Seksyen 9A, 9B dan 9C yang membolehkan pendaftar untuk memberikan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik.

Subseksyen 9A(1), membenarkan pendaftar untuk menyediakan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik.

Subseksyen 9A(2), membenarkan syarikat amanah melanggan perkhidmatan pemfailan dokumen secara elektronik yang disediakan oleh pendaftar iaitu dengan membayar fi yang ditentukan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(3), memperuntukkan bahawa dokumen yang difailkan atau diserahkan kepada pendaftar adalah disifatkan telah difailkan sekiranya dokumen tersebut dihantar kepada pendaftar menurut cara yang tertentu atau yang dibenarkan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(4), memperuntukkan kuasa kepada pendaftar untuk menentukan dokumen yang boleh difailkan secara elektronik.

Subseksyen 9A(5), memperuntukkan bahawa dokumen yang perlu disahkan atau diperakukan dan perlu difailkan secara elektronik hendaklah disahkan atau diperakukan menurut cara yang ditentukan atau dibenarkan oleh pendaftar.

Subseksyen 9A(6), memperuntukkan bahawa di mana sesuatu dokumen itu difailkan secara elektronik, pendaftar atau wakil yang diberi kuasa tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang disebabkan oleh apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam apa juga bentuk atau cara yang terdapat dalam dokumen yang diperolehi oleh mana-mana orang melalui perkhidmatan yang diterima di bawah subseksyen (1) sekiranya kesilapan atau ketinggalan itu berlaku secara suci hati dan dalam perjalanan tugas biasa pendaftar atau wakilnya yang diberi kuasa atau berlaku atau berbangkit akibat apa-apa kecacatan atau kerosakan perkhidmatan atau peralatan yang digunakan bagi perkhidmatan yang disediakan itu.

Subseksyen 9B memperuntukkan bahawa satu salinan atau petikan daripada satu dokumen yang difailkan secara elektronik hendaklah diterima sebagai bukti, sama seperti dokumen asal dalam mana-mana *proceeding* .

Subseksyen 9C(1) menghendaki supaya dokumen-dokumen asal disimpan pada setiap masa di pejabat syarikat amanah.

Subseksyen 9C(2) memperuntukkan bahawa mana-mana syarikat amanah yang gagal mematuhi kehendak subseksyen 9C(1) adalah melakukan satu kesalahan di bawah akta tersebut dan dikehendaki membayar penalti sebanyak RM10 ribu.

Pada keseluruhannya pindaan yang dicadangkan dijangka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan LOFSA secara lebih berkesan serta dapat memudahkan urusan pemfailan dokumen syarikat luar pesisir selaras dengan perkembangan semasa. Pindaan yang dicadangkan juga merupakan satu sokongan terhadap pelaksanaan sistem kerajaan elektronik yang sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Ghazi.

12.51 tgh.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini yang saya turut menyokong apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hanya hendak sebut satu perkara dalam rang undang-undang ini tetapi sebelum itu yang ada kaitannya apa Yang Berhormat sebut tadi, sedikit tentang cadangan Brunei untuk mewujudkan pusatnya sendiri bersebelahan tetapi dalam masa yang sama, Yang Berhormat juga menerangkan bahawa usaha untuk mengumpulkan dana terutama sekali dari dunia Islam, dibantu oleh OIC, IDB dan sebagainya, amat baik dan pintar, saya rasa. Tetapi bolehkah pihak kementerian atau kerajaan menerangkan apakah usaha sebelum itu, setakat mana usahanya dan mengapa sampai jalan buntu, sedangkan kita menyedari bahawa Brunei begitu amat strategik sekali kalau sekiranya dia dapat bersama-sama dengan kita dan saya rasa dia boleh memainkan peranan sebagai pemangkin kepada kejayaan pusat kita sendiri. Jadi, perkara itu saya rasa ada kaitan dengan akta ini, oleh kerana itu saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat tadi amat tepat dan kena pada masanya, saya rasa perkara ini adalah satu

perkara ubahsuai dan penyelarasan sahaja tentang keadaan yang sudah sedia wujud – hendak menyelaraskan dengan langkah kerajaan mengamalkan electronic government sepertimana yang diterangkan. Jadi, tidak banyak yang hendak boleh dibahaskan sebenarnya.

Saya ketinggalan untuk rekod untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang mengenai paten tadi, yang saya sedia betul-betul banyak tetapi oleh kerana saya menghadiri mesyuarat CPA *carried away*, jadi, saya *miss*. Saya ingat paten ini panjang tetapi tidak apalah, apa boleh buat. Kita simpan untuk masa depan, insya-Allah.

Hanya satu perkara yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai kesenangan rasa hati dari segi sekuriti. Kita sedar keseluruhannya kita menggalakkan pengamalan elektronik dalam berbagai bidang. Kita sedar kerajaan juga mengamalkan elektronik dalam hal-hal yang lain tetapi dalam setiap hal yang kita laksanakan, elemen sekuriti, keselamatan ini bertingkat-tingkat dan dalam suasana pusat yang kita sebut ini, di Labuan, saya rasa isu kewangan terlalu amat mustahak. Oleh kerana itu, saya berharap pihak kementerian, kalau boleh, cerita sedikit apakah tindakan yang lebih yang kita dapat ambil untuk menangani isu keselamatan ini.

Itu sahaja, yang lain saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

12.53 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas pembentangan ASLP pindaan tahun ini, oleh kerana seperti yang telah diterangkan, kita sudah masuk ke satu zaman baru iaitu satu zaman IT dan kita tidak mahu Malaysia ini ketinggalan zaman. Oleh kerana itu, maka kita sudah ada peruntukan bagi satu perkhidmatan iaitu dengan pindaan 9A itu, kita sudah membenarkan perkhidmatan bagi penyerahan dan pemfailan dokumen secara elektronik. Saya sangat mengalu-alukan perkara ini.

Saya hanya ada satu persoalan iaitu di bahagian subseksyen (1), Seksyen 9C itu, di mana ada diperuntukkan bahawa semua salinan dokumen asal itu mesti disimpan oleh syarikat amanah pada setiap masa.

Saya ingin tanya, kenapa salinan dokumen asal ini tidak disimpan oleh pendaftar? Kenapa kita mahu pihak syarikat amanah ini menyimpan dokumen-dokumen itu dan kalau kita kata pada setiap masa, nampaknya tidak ada had. Kalau dokumen itu perlu disimpan berapa lama, kita kata pada setiap masa, itu bermakna pada bila-bila masa pun kena adakan dokumen di sana. So, tidak ada satu had kepada masa itu dan saya ingin tahu sungguhpun ada satu penalti ingkar atau *default penalty* sebanyak RM10 ribu, kalau didapati dokumen itu terhilang daripada syarikat amanah itu, kenapa pendaftar tidak menyimpan salinan dokumen-dokumen ini dan kenapa memerlukan syarikat amanah itu menjadi penjaga kepada dokumen-dokumen itu.

Bagi saya adalah lebih selamat kalau pendaftar sendiri menyimpan itu dan memastikan semua dokumen itu boleh didapati pada bila-bila masa dan selalu di bawah jagaan pendaftar sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

12.55 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil peluang yang ringkas untuk membahaskan Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000 ini.

Kita menyambut baik perkembangan dunia teknologi hari ini selaras dengan kemajuan dunia globalisasi hari ini. Kita mengharapkan kemajuan teknologi hari ini menyumbang kepada kecekapan pengurusan kewangan di negara-negara kita tetapi apa yang kita mesti ingat secanggih mana pun alat yang kita buat tetap mempunyai kelemahannya.

Kalau kita merujuk dalam rang undang-undang ini dalam Seksyen 9A (6), di mana dinyatakan bahawa:

“Jika sesuatu dokumen diserahkan atau difailkan secara elektronik dengan Pendaftar, maka Pendaftar atau ejennya yang diberi kuasa tidaklah bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh mana-mana orang oleh sebab apa-apa jua jenis

kesilapan atau peninggalan atau yang bagaimana jua pun terbangkit yang terdapat dalam apa-apa dokumen....”

Jadi, apa yang kita pertikaikan di sini, siapakah yang akan bertanggungjawab? Sebab yang paling penting bagi kita di sini ialah kita hendak menjaga langkah-langkah keselamatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi – langkah-langkah keselamatan sebab kita tahu walaupun secanggih mana sistem elektronik ini, kita terdedah dengan virus, kita terdedah dengan kerosakan. Jadi, dengan ini kita mengharapkan supaya suatu kawalan, langkah-langkah keselamatan supaya tidak berlakunya suatu kerugian kepada mana-mana pihak yang terlibat.

Jadi, dengan itu, saya juga menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila menjawab.

12.57 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi, Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi tentang kemunculan pasaran kewangan Islam antarabangsa. Adalah dianggarkan sebanyak AS800 bilion modal Islam beku kepunyaan individu dan institusi Islam dilaburkan dalam bank-bank *conventional* di seluruh dunia dan keadaan ini berlaku kerana permintaan terhadap produk kewangan Islam tidak dapat dipenuhi oleh institusi-institusi kewangan Islam yang saya katakan tadi.

Keinginan dan keutamaan yang meningkat di kalangan umat Islam di seluruh dunia untuk mengendalikan perniagaan berlandaskan prinsip-prinsip syariah, peningkatan kesedaran terhadap kesucian dan nilai sistem perbankan Islam serta bilangan umat Islam yang ramai di dunia menyebabkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan kewangan Islam meningkat dengan begitu ketara dan justeru itu, penubuhan pasaran wang dan modal Islam dan adanya produk kewangan yang memenuhi kehendak syariah dapat memberikan peluang risiko pulangan setanding

dengan yang ditawarkan oleh bank-bank pasaran *conventional*. Oleh itu, pasaran antarabangsa bank Islam ini patut kita wujudkan dan alhamdulillah, negara dan kerajaan kita peka dalam keadaan ini.

Kini terdapat lebih kurang 300 institusi kewangan Islam di seluruh dunia dengan anggaran dana terkumpul melebihi 200 bilion dan angka ini meningkat kepada kadar 10% hingga 15% setahun. Tambahan pula, pelanggan institusi perbankan dan kewangan Islam tidak terhad kepada negara-negara Islam sahaja tetapi telah tersebar ke Eropah dan Amerika Utara. Sebagai contohnya, banyak institusi perbankan di United Kingdom menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan Islam termasuk pengurusan dana sendiri. Malah, United Kingdom mempunyai lebih AS200 bilion kecairan yang dimiliki oleh individu dan merupakan pasaran tunggal terbesar untuk kewangan dan pasaran Islam.

Sehubungan itu, penubuhan pasaran wang Islam antarabangsa yang dilaksanakan melalui konsep Persepakatan Bestari antara Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Agensi Kewangan Bahrain (BMA) dijangka menjadi pencetus kepada penghasilan produk, kecairan dan minat di kalangan institusi kewangan Islam dengan matlamatnya untuk meningkatkan pasaran modal Islam. Bermula pada bulan Oktober 1999, keahlian Persepakatan Bestari telah meningkat dengan kemasukan Bank Indonesia, Kementerian Kewangan Brunei, Kementerian Kewangan Saudi Arabia dan Kementerian Kewangan Iran serta Bank Pusat Sudan.

Dengan penglibatan dan sokongan padu agensi-agensi kerajaan berkenaan, penubuhan IIM yang dijangka akan dilaksanakan dalam bulan Oktober 2000 ini di Labuan akan berjaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan masih panjangkah, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Banyak lagi. Saya rasa lagi 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat jawapan masih lagi panjang sedikit. Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung jawapan.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyambung penggulungan saya pada pagi tadi, mengenai International Islamic Monetary Market (IIMM) yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi secara khususnya IIMM akan memberi peluang untuk institusi kewangan Islam mengurus keperluan kecairan mereka melalui, sebagai contoh 'perdagangan' instrumen kewangan Islam lantas dalam proses melahirkan pasaran kedua yang aktif untuk instrumen Islam, selain daripada instrumen konvensional yang saya katakan tadi.

Jadi, sebagai alternatif kepada pasaran wang konvensional, IIMM dibentuk sebagai rangkaian pasaran wang Islam yang dikemaskinikan dengan cara yang sistematik dan insya -Allah pada bulan Oktober 2000 ini kita akan meluncarkannya di Labuan.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga telah menanyakan kenapa Brunei juga ingin memajukan 'LOFSA' mereka berbanding juga dengan Labuan yang begitu hampir sekali. Kita tahu bahawa Brunei mempunyai pasaran minyaknya yang banyak dan kemungkinan apa yang ingin Brunei lakukan untuk *mendiversify*, dengan izin, aktiviti-aktiviti ekonomi mereka dan lantaran itu mereka telah pun mengusulkan perkara yang sama, yang telah kita katakan.

Seperti mana yang saya katakan terlebih awal lagi, kita memandang ini sebagai complementality antara satu sama lain, bukan sebagai competition yang dijangkakan dan kita harapkan supaya gabungan pintar ini akan dapat memajukan kedua-dua belah pihak.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah pun menyatakan mengapa senarai asal dokumen disimpan oleh syarikat amanah....

Datuk Nor Azah binti Awin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta laluan. Merujuk kepada nota-nota pengenalan Yang Berhormat Timbalan Menteri pagi tadi mengenai Akta Syarikat Luar Pesisir ini, saya ada beberapa isu yang

saya ingin kemukakan, pertama, transaksi elektronik tersebut dikatakan telah bersedia dan sedia dilaksanakan, yang saya persoalkan apakah perancangan kerajaan untuk menambah, dengan izin, ISP daripada tiga yang sedang beroperasi dan satu lesen yang telah dikeluarkan tetapi masih belum beroperasi.

Jika kita tinjau, misalnya yang disebut Yang Berhormat tadi tentang Brunei, Brunei telah mengeluarkan enam ISP memandangkan penduduknya hanya 300,000 berbanding dengan kita 20 juta. Kalau kita lihat juga United Kingdom dalam tahun 80-an mereka telah mengeluarkan 18 ISP.

Berkaitan juga dengan isu ini, saya ingin bertanya provider, dengan izin, untuk ISP tersebut seperti Telekom, seperti MIMOS dan juga Maxis. Adakah mereka membuat perancangan komprehensif ke atas, dengan izin, digital access iaitu ISDN. Pengalaman saya sebulan dahulu, saya menunggu lebih satu bulan untuk mendapatkan ISDN line untuk rumah saya yang berada di tengah kota raya.

Isu kedua, proses elektronik ini dimestikan, kita tidak nafikan, malahan harus dilaksanakan dahulu lagi. Konsep Syarikat Luar Pesisir adalah kehadiran syarikat di pusat offshore, dengan izin, yang dipegang oleh pemegang amanah, ia tidak mempunyai kehadiran secara fizikal. Soalan saya ialah, setakat manakah kehadiran pemegang amanah dipusatkan di Labuan dan adakah semua transaksi itu dilindungi dengan peruntukan secrecy.

Isu ketiga, salah satu sebab kami di sektor korporat menubuhkan syarikat luar pesisir selain daripada yang biasanya dari sudut cukai atau dari sudut, dengan izin, transfer pricing, ialah untuk membolehkan transaksi mata wang pelbagai ataupun, dengan izin, multiple currency transaction, tanpa dihalang oleh apa-apa legislation ke atas, dengan izin, foreign exchange restriction seperti di negara kita sekarang.

Soalan saya, setakat manakah bank-bank atau institusi kewangan di Labuan bersedia dengan semua sokongan dari segi instrumen, perbankan dan skim-skim pembiayaan yang inovatif berbanding dengan apa yang ditawarkan di offshore financial centre, dengan izin, yang lain.

Isu keempat, dalam era globalisasi dan liberalisasi ini, di mana operasi sesuatu syarikat adalah pelbagai dari segi pasaran, dari segi pengeluaran, dan dari segi operasi-operasi yang lain. Risiko mata wang harus dikurangkan atau dihakiskan. Ini

bermakna Labuan sebagai pusat syarikat luar pesisir adalah sangat menarik di serantau ASEAN atau malahan Asia Pasifik. Soalan saya:-

- (i) Setakat manakah promosi atau publisiti diberikan kepada Labuan sebagai IOFC.
- (ii) Berapa banyakkannya syarikat-syarikat yang telah didaftarkan di Labuan setakat ini sebagai syarikat luar pesisir.
- (iii) Berapakah bilangan institusi kewangan yang telah hadir di Labuan.
- (iv) Apakah ciri-ciri yang membuatkan Labuan IOFC lebih menarik, lebih canggih berbanding dengan IOFC yang lain, seperti yang kita dapati di Bermuda, Isles of Man, Bahamas, Launceston, Zurich dan Brunei.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini nampaknya perbincangan bukan meminta penjelasan. Walau bagaimanapun, saya ingin menjawab perkara ini bila sampai kepada Yang Berhormat nanti.

Jadi, sepertimana yang kita tahu, sepertimana apa juga Yang Berhormat Dato' Chin katakan tadi, bahawa syarikat amanah memainkan peranan seperti front liner ataupun pendaftar syarikat dalam proses penubuhan syarikat.

Jadi, segala dokumen telah difailkan secara elektronik yang asalnya tidak perlu lagi disimpan oleh LOFSA. Syarikat amanah adalah syarikat yang diberi lesen untuk menjadi secretary director kepada syarikat luar pesisir di Labuan.

Jadi, di sinilah yang dikatakan syarikat amanah tadi dan segala urusan pentadbiran syarikat luar pesisir adalah diuruskan oleh syarikat amanah tersebut.

Jadi, ia tidak ada daripada syarikat berkenaan terus kepada LOFSA tetapi kita ada, yang dikatakan syarikat amanah sebagai sekretari syarikat yang menyimpan dokumen asal dan LOFSA hanya menyimpan dokumen yang elektronik. Jadi, di sinilah kita dapat melihat bahawa semua syarikat itu berurusan dengan syarikat amanah dan tidak terus kepada LOFSA sendiri. Ini kerana ada mempunyai *connotation* dan *stigma* yang mengatakan kita tidak hendak terus berhadapan dengan *authority* tetapi ada orang perantaraannya.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah telah menanyakan tentang pindaan kepada Akta Syarikat 1990 dalam seksyen baru 9A(6) untuk memberi perlindungan terhadap kakitangan berdaftar yang dengan sengaja merosakkan tadi atau mengubah dokumen yang difailkan secara elektronik. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak ada kesempurnaan dalam dunia yang baru ini. Walau bagaimanapun, apa yang perlu kita buat kita kena berjaga-jaga mengenai kerosakan yang sengaja ataupun bukan *good faith* yang telah diperkatakan dalam rang undang-undang ini.

Peruntukan Akta Syarikat Luar Pesisir yang berkenaan hanya memberi perlindungan kepada pendaftar atau kakitangannya yang mengambil satu tindakan secara suci hati, ini yang dikatakan *good faith* dan oleh yang demikian, peruntukan tersebut tidak akan melindungi mana-mana kakitangan pendaftar yang bertindak dengan niat jahat ataupun untuk menipu. Jadi di sini perlindungan ini terpaksa kita buat kerana kita tahu bahawa dalam transaksi ini ada kepelbagaian, berbagai-bagai manusia dengan niat masing-masing.

Datuk Nor Azah mengatakan sama ada semua syarikat luar pesisir dilindungi oleh akta kita, akta kerahsiaan dan kita memaklumkan bahawa semua syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan yang sah sahaja yang akan dilindungi. Mengenai WTO yang diperkatakan tentang globalisasi dan sebagainya, ingin saya menyatakan di sini bahawa Labuan IOFC adalah pusat kewangan luar pesisir yang dikategorikan di dalam regim cukai rendah. Ini dia punya *niche* di sini dan ianya bukan satu *tax heaven* di mana tiada langsung sebarang cukai dikenakan. Jadi di Labuan semua syarikat dagang luar pesisir diberi *option* sama ada untuk membayar cukai sebanyak 3% daripada keuntungan ataupun sebanyak RM20,000. Berbeza dengan *tax heaven* pembayaran cukai yang dibuat di Labuan, diiktiraf oleh negara asal syarikat dagang luar pesisir yang beroperasi di Labuan dan hal ini menunjukkan bahawa Labuan IOFC menawarkan *option* kepada syarikat luar pesisir untuk merancang percukaian mereka dan pada masa yang sama menyangkal pandangan bahawa Labuan digunakan sebagai sebuah pusat kewangan yang memudahkan penipuan cukai ataupun *tax evasion*.

Negara-negara OECD juga telah membuat soal selidik mengenai persoalan cukai di pusat kewangan luar pesisir di seluruh dunia dan hasil soal selidik

melepaskan Labuan IOFC daripada sebarang tanggapan negatif bahawa Labuan IOFC adalah sebuah pusat kewangan yang memudahkan penipuan cukai ataupun *tax evasion* tadi.

Mengenai jumlah syarikat yang ada di Labuan, kita ada semuanya 2,300 syarikat dan juga selain daripada itu kita ada insurans, kita ada bank dan sebagainya. Syarikat insurans berhubung dengan insurans luar pesisir yang berlesen, kita ada insurans semula (*re-insurance*) sebanyak 16, insurans am sebanyak 2, insurans hayat sebanyak 2, insurans komposit 1 (MAA Insurance), insurans *captive* kita ada 7, broker insurans kita ada 23, pengurus insurans kita ada 3 dan *under-write insurance* kita ada 5. Selain daripada insurans kita ada bank luar pesisir yang berlesen dan cawangan-cawangannya. Cawangannya ialah sebanyak 50 dan subsidiari ialah sebanyak 11.

Syarikat amanah yang didaftarkan di Labuan kita ada sebanyak 20 dan pengurus kumpulan wang kita ada 6, kumpulan wang persendirian kita ada 6, syarikat pemajakan luar pesisir yang dibenarkan kita ada 8 dan broker wang luar pesisir kita ada 2. Jadi, kalau kita lihat bahawa selain daripada itu kita kerap menjalankan promosi yang kita pergi ke luar-luar negara untuk kita mempromosikan Labuan sebagai salah-satu IOFC yang bagus. Mengenai ISP tadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa di sini ialah masalah “*chicken and egg*” ini timbul di mana kita hendakkan kalau boleh kita beri sebanyak laluan yang boleh supaya banyak *investors* datang dan senang mendapat akses tetapi pihak Telekom mengatakan dia tidak hendak membuat *investment* dalam perkara itu kerana tidak ada *investor* yang datang. Jadi, di sinilah kita takut nanti kalau perkara ini menjadi satu masalah, *investors* nanti akan pergi ke Singapura, tidak datang ke mari dan oleh kerana itulah beberapa perkara sedang berlaku di Telekom untuk dapat kita memerhatikan supaya kita membuat *investment* terdahulu sebelum *investor* datang daripada *investor* datang baru kita buat *investment*.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut mendengar masalahnya dengan syarikat Telekom. Telekom membuat keuntungan yang begitu banyak. Telekom ialah syarikat kepunyaan, hak milik kerajaan. Kalau untuk kepentingan negara demi untuk membangunkan Labuan sebagai satu *centre* yang

terkenal di dunia dan berjaya segala-galanya, saya ingat pihak syarikat Telekom patut membuat pelaburannya terlebih dahulu, terlebih awal dan saya harap pihak kerajaan mengambil tindakan yang bersesuaian supaya pihak Telekom lebih prihatin tentang kepentingan negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini tindakan sedang dan akan diambil bahawa perubahan telah pun berlaku di Telekom dan kita berharap bahawa dengan perubahan-perubahan yang berlaku sekarang ini dapat kita memberikan satu rangsangan yang proaktif supaya *investment* banyak dibuat sebelum *investor* datang ke tempat kita.

Akhir sekali saya ingin menyatakan di sini bahawa pada bulan Oktober ini LOFSA akan mengadakan satu aktiviti yang penting mengenai IIMM (Islamic International Multi Market) ini dan kita berharap nanti pada bulan Oktober kemungkinan sekali lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator kita akan dapat berkunjung ke LOFSA untuk sama-sama kita mendapatkan manfaat daripada apa yang kita bincangkan di sini dan kita lihatlah realisasinya yang berada di Labuan.

Datuk Ghazi telah pun menyuarakan dahulu bahawa boleh kiranya Labuan ini diadakan ramai lagi penduduk supaya dapat menggembelng aktiviti-aktiviti ekonomi dan salah satu daripada usul Datuk Ghazi ialah untuk mengadakan satu universiti di Labuan. Saya telah pun membawa perkara ini ke peringkat atasan dan telah dipersetujui dan telah pun kita tubuhkan satu universiti di Labuan khusus untuk *international market* dan perkara ini mendapat perhatian yang berat daripada kerajaan. Selain daripada itu, kita akan juga melihat daripada saranan Yang Berhormat, akan kita adakan satu lagi bil di masa akan datang, insya -Allah, Kabinet telah luluskan supaya dapat kita cantumkan organisasi-organisasi di Labuan ini di bawah satu bumbung supaya dapat kita menjalankannya dengan lebih efektif lagi dan kita berharap selain daripada Langkawi yang mempunyai nichenya sendiri kita juga akan mengadakan Labuan supaya *centre of IOFC* yang akan dapat keuntungan yang lebih bagus apabila kita mengisytiharkan pada bulan Oktober ini IIMM itu tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara ini dan kita berharap apa-apa yang tidak dapat saya sentuh dalam perbincangan ini, pegawai-pegawai saya

akan memakluminya dan akan dijadikan ia sebagai sebahagian daripada dasar di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sudah pun selesai segala rang undang-undang dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah bersabar tinggal di dalam Dewan ini beberapa hari tetapi hari ini tidak sampai waktu malam, kita bersurai lebih awal. Dengan ini Majlis ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan pada masa akan datang, insya -Allah.

Dewan ditangguhkan pada pukul 3.00 petang.

31 Julai 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)

- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)

- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara

Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Bentara Mesyuarat

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Petugas -Petugas Cawangan Dokumentasi

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Abu Bakar bin Hasan

Petugas-Petugas Cawangan Komputer

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

Petugas-Petugas Cawangan Mesin Cetak

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Jilid II

Bil. 21

Selasa

1 Ogos 2000

KAN DUNGAN

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2000 (Halaman 28)

Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir (Pindaan)2000 (Halaman 43)

Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2000 (Halaman 57)

